



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

LAPORAN TAHUNAN 2017

"Merealisasikan Harapan Rakyat"

Agensi di bawah kawal selia :



"Tema Bajet 2017 iaitu "Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh" merupakan kelangsungan komitmen Kerajaan terhadap keseimbangan pertumbuhan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat yang merangkumi para penjawat awam."

TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara



ISI KANDUNGAN

01 // PERUTUSAN PENGERUSI

04 // ALUAN PENGURUS BESAR

07 // LATAR BELAKANG ORGANISASI

11 // PROFIL KORPORAT

- Lembaga Pengarah
- Pengurusan Atasan
- Pengurus-Pengurus Bahagian & Ketua-Ketua Unit
- Jawatankuasa Audit PERDA

15 // INFORMASI PERSONEL

- Pengurusan Perjawatan
- Pengurusan Latihan
- Pengiktirafan & Kualiti

24 // PRESTASI KEWANGAN

- Prestasi Perbelanjaan Mengurus
- Prestasi Perbelanjaan Pembangunan
- Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun

32 // INFRASTRUKTUR ICT

- Pengukuhan Infrastruktur & Keselamatan ICT
- Pembangunan & Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan

35 // PERDA-TECH

40 // PEMBANGUNAN HARTANAH

- Projek Pembangunan Yang Telah Siap
- Projek Pembangunan Dalam Pembinaan
- Projek Pembangunan Dalam Perancangan

43 // PEMBANGUNAN EKONOMI

- Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)
- Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan (SMPPU)
- Program Pembangunan Usahawan Mikro
- Program Peningkatan Pelancongan Bumiputera
- Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX)2017

53 // PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Mutiara Program Kecemerlangan Akademik (MPDCA)
- Program Pemerkasaan Belia
- Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

60 // ANAK SYARIKAT -
PERDA VENTURES INCORPORATED SDN.BHD.
(PVISB)

69 // PENILAIAN OUTCOME

- Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan (SMPPU)2016
- Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)2016
- Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)2016
- Program Pemerkasaan & Pemantapan Sahsiah Belia 2016
- Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX) 2017
- Program Pembangunan Tenaga Mahir & Latihan Kemahiran 2017
- Pembangunan PERDA-TECH 2017

77 // DIARI PERISTIWA PERDA 2017

85 // PERDA DI AKHBAR

88 // PENYATA KEWANGAN PERDA 2017

JADUAL

- 14** // Jadual 1 :
KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH
TAHUN 2017
- 19** // Jadual 2 :
KEANGGOTAAN JAWATANKUASA AUDIT PERDA
- 20** // Jadual 3 :
KEDUDUKAN PERJAWATAN PERDA SEHINGGA
31 DISEMBER 2017
- 22** // Jadual 4 :
PENGIKTIRAFAN YANG DICAPAI OLEH PERDA
DALAM TAHUN 2017
- 25** // Jadual 5 :
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS SEHINGGA
31 DISEMBER 2017
- 26** // Jadual 6 :
PRESTASI PERBELANJAAN GERAN PEMBANGUNAN
SEHINGGA 31 DISEMBER 2017
- 27** // Jadual 7 :
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SUMBER
DALAMAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017
- 29** // Jadual 8 :
PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN
WANG AMANAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

- 31** // Jadual 9 :
PERBANDINGAN PRESTASI KEWANGAN PERDA
BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017
- 33** // Jadual 10 :
PERISIAN YANG DISEDIAKAN DI PERDA DAN PERDA-TECH
- 34** // Jadual 11 :
SISTEM APLIKASI ONLINE DAN ELEKTRONIK DI PERDA
- 36** // Jadual 12 :
BILANGAN PELAJAR DI PERDA-TECH MENGIKUT
PERINGKAT PENGAJIAN TAHUN 2017
- 55** // Jadual 13 :
AKTIVITI-AKTIVITI PROGRAM MPDCA 2017
- 56** // Jadual 14 :
PENCAPAIAN UPSR 2016 SEKOLAH TAJAAN PERDA
- 56** // Jadual 15 :
PENCAPAIAN UPSR 2016 SEKOLAH TAJAAN PERDA
MENGIKUT SUBJEK

RAJAH

08 // Rajah 1 :
KAWASAN OPERASI PERDA

10 // Rajah 2 :
SUSUNAN KEDUDUKAN PERDA DI BAWAH ICU,JPM

18 // Rajah 3 :
STRUKTUR ORGANISASI PERDA

21 // Rajah 4 :
PEMATUHAN MENGHADIRI LATIHAN ANGGOTA
KERJA TETAP PERDA TAHUN 2017

25 // Rajah 5 :
PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN MENGURUS TAHUN 2016 & 2017

27 // Rajah 6 :
PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SUMBER DALAMAN
(WANG HASIL) BAGI TAHUN 2016 & 2017

28 // Rajah 7 :
PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN WANG AMANAH BAGI
TAHUN 2016 & 2017

30 // Rajah 8 :
PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN MENGURUS BAGI TAHUN (OE)
2013 SEHINGGA 2017

30 // Rajah 9 :
PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI
TAHUN (DE) 2013 SEHINGGA 2017

45 // Rajah 10 :
BILANGAN PENERIMA FAEDAH SMPPU MENGIKUT TAHUN

45 // Rajah 11 :
BILANGAN PENERIMA FAEDAH MENGIKUT
KLUSTER PERNIAGAAN

46 // Rajah 12 :
PECAHAN PERBELANJAAN AKTIVITI PROGRAM
PEMBANGUNAN USAHAWAN MIKRO TAHUN 2017

PERUTUSAN PENGERUSI

“Pencapaian kejayaan PERDA yang dilaporkan di dalam laporan tahunan ini juga adalah sebagai satu petunjuk bahawa PERDA mempunyai jalinan kerjasama yang amat baik dan iltizam serta komitmen daripada warga kerja, pengurusan serta Lembaga Pengarah PERDA sebagai satu pasukan yang utuh dalam mencapai matlamat Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan pada tahun 2017.”

DATUK HAJI SHABUDIN HAJI YAHAYA



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Satu Malaysia

Syukur kita ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia serta keizinanNya, Laporan Tahunan PERDA 2017 ini berjaya dihasilkan. Penerbitan laporan tahunan ini merupakan satu khazanah ilmiah yang merakamkan perjalanan program dan aktiviti Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) sepanjang tahun 2017.

Persekitaran di Pulau Pinang yang semakin dinamik masa kini menuntut dedikasi yang tinggi warga kerja PERDA untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak berkepentingan iaitu stakeholders dan kumpulan sasaran keseluruhannya. Masyarakat bumiputera khususnya di Pulau Pinang amat menaruh harapan yang sangat tinggi terhadap jaringan sokongan serta perkhidmatan yang berkesan demi memastikan jurang persaingan yang seimbang dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar pada hari ini.

Reaksi masyarakat di kawasan operasi amat mendepani pelbagai rintangan, realiti dan situasi pada masa kini menyaksikan keperluan kepada transformasi yang lebih dinamik dalam penyampaian perkhidmatan demi kemajuan dan peningkatan kualiti hidup mereka yang lebih realistik.

Pelbagai inisiatif yang disediakan adalah menunjukkan kesungguhan dan komitmen PERDA kearah pencapaian matlamat dan objektif dalam memajukan masyarakat di kawasan operasi.

Saya juga berharap PERDA dapat mempergiatkan lagi usaha-usaha dalam mentransformasikan masyarakat di kawasan operasi agar menjadi lambang kejayaan kerajaan persekutuan yang merupakan pemacu utama kesejahteraan rakyat Pulau Pinang khususnya. Transformasi PERDA selama ini adalah hasil usahasama banyak pihak yang mana dedikasi mereka kepada pembangunan sosioekonomi telah membawa kita ke tahap sekarang ini.

Pencapaian kejayaan PERDA yang dilaporkan di dalam laporan tahunan ini juga adalah sebagai satu petunjuk bahawa PERDA mempunyai jalinan kerjasama yang amat baik dan iltizam serta komitmen daripada warga kerja, pengurusan serta Lembaga Pengarah PERDA sebagai satu pasukan yang utuh dalam mencapai matlamat Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan pada tahun 2017.

Kesempatan ini juga, saya ingin melafazkan rasa terima kasih yang tak terhingga kepada YAB Perdana Menteri, Ketua Pengarah ICU JPM, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, Ahli-ahli MPBPP, pemimpin-pemimpin tempatan dan warga kerja PERDA di atas sokongan yang diberikan. Semoga PERDA sentiasa melakarkan kejayaan demi kejayaan sebagai peneraju transformasi kemajuan di wilayah Pulau Pinang.

Sekian.

"Merealisasikan Harapan Rakyat"



Datuk Haji Shabudin Haji Yahaya
Pengerusi PERDA

ALUAN PENGURUS BESAR

“Berdasarkan pencapaian tahun 2017 ini, ianya membuktikan program transformasi yang diperkenalkan kerajaan telah banyak mendorong kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. PERDA yakin, tindakan melaksanakan beberapa inovasi dan transformasi dalam program dan sistem penyampaian PERDA mampu memberi pulangan kepada negara dari segi menambah peluang pekerjaan dan penciptaan kekayaan rakyat.”

HAJI ROSMAN HAJI HASHIM



ALUAN PENGURUS BESAR

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,**

Sepanjang tahun 2017 ini pelbagai transformasi telah dilaksanakan untuk memastikan sistem penyampaian PERDA terus efisien dan efektif. Inovasi yang diberikan kepada inisiatif sedia ada terus seiring ke arah menjadikan PERDA sebuah organisasi yang cemerlang melalui transformasi inovasi selaras dengan saranan pimpinan utama negara. Transformasi yang dilaksanakan ini terus konsisten dengan sokongan agenda kerajaan melalui lima strategi yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB).

Mengambil kira seramai 279 orang kekuatan modal insan pada tahun 2017 yang mendokong setiap aktiviti PERDA ini, diyakini bahawa PERDA mampu mengekalkan pencapaian sasaran KPI seperti yang telah ditetapkan. Bukti, pada tahun 2017 kesemua sektor utama yang menjadi tonggak penggerak kepada tercapainya objektif, misi dan visi PERDA telah membawahkan hasil.

Pada tahun 2017, PERDA telah berjaya membelanjakan 100% peruntukan pembangunan yang disalurkan sebanyak RM16,839,124.00. Di bawah RP2 RMK-11 tahun 2017, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM12,089,874.00 bagi pelaksanaan dua projek pembangunan yang merupakan projek/program sambungan iaitu Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Pulau Pinang berjumlah RM8,089,874.00 dan Projek Infrastruktur Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap, Pulau Pinang berjumlah RM4,000,000.00.

Sehingga 31 Disember 2017, jumlah penyaluran peruntukan yang telah disalurkan kepada pihak PERDA adalah berjumlah RM16,839,124.00 yang melibatkan penambahan satu program sambungan iaitu Program Pembangunan Tenaga Mahir Dan Latihan Kemahiran yang berjumlah RM4,749,250.00. Selain itu, daripada jumlah yang diluluskan sebanyak RM16,839,124.00, pihak PERDA telah melaksanakan Notis Perubahan (Notice Of Change) yang melibatkan pindahan peruntukan sebanyak RM3,750,750.00 dari Projek Dewan Serbaguna kepada Projek Infrastruktur Perumahan Mampu Milik Sungai Bakap sejumlah RM2,000,000.00 dan Program Pembangunan Tenaga Mahir Dan Latihan Kemahiran sejumlah RM1,750,750.00.

Pada tahun 2017, PERDA telah berjaya meraih sebanyak 13 pengiktirafan sepanjang tahun 2017 melalui beberapa pertandingan dan persijilan yang disertai oleh PERDA dan Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH). Penglibatan dan pengiktirafan yang diraih oleh PERDA telah menyuntikkan lagi semangat dan komitmen berterusan PERDA untuk menjadi agensi pelaksana yang dinamik. Antaranya ialah PERDA memenangi Anugerah Pingat Emas Invention, Innovation And Design Exposition 2017 Inno Homestay (IIDEX 2017), Anugerah Cisco Netriders Competition Peringkat Kebangsaan 2017 oleh PERDA-TECH dan lain-lain lagi.

Dalam bidang kemahiran dan teknikal pada tahun 2017, PERDA-TECH melatih 1,019 orang pelajar dengan penawaran program pengajian kemahiran melibatkan sembilan program peringkat sijil dan enam program peringkat diploma, iaitu tiga program Diploma Kemahiran di bawah pengiktirafan JPK dan tiga program yang telah diiktiraf oleh MQA.

Bagi sektor keusahawanan, sebanyak RM17,185,000.00 pinjaman telah diagihkan kepada 168 syarikat. Sejumlah RM2,875,000.00 daripada pinjaman tersebut telah diagihkan sepanjang tahun 2017 melibatkan 25 penerima faedah. PERDA juga telah melaksanakan Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) yang mana bertujuan untuk meningkatkan kualiti kecemerlangan akademik dikalangan pelajar-pelajar bumiputera di negeri Pulau Pinang. Bagi tahun 2017, sebanyak 26 siri program telah berjaya dilaksanakan oleh PERDA, antaranya Program SMART (Seminar Pelajar Terbilang) UPSR, dan SPM, Program Straight A's UPSR, Towards Excellence SPM, Spot A UPSR & SPM dan Program English is Fun. Seramai 4,770 orang pelajar dari 71 buah sekolah telah mengikuti semua program ini.

Berdasarkan pencapaian tahun 2017 ini, ianya membuktikan program transformasi yang diperkenalkan kerajaan telah banyak mendorong kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. PERDA yakin, tindakan melaksanakan beberapa inovasi dan transformasi dalam program dan sistem penyampaian PERDA mampu memberi pulangan kepada negara dari segi menambah peluang pekerjaan dan penciptaan kekayaan rakyat.

Kesemua sektor utama PERDA telah menyumbang kepada pembangunan modal insan sesuai dengan peranan PERDA dalam menerajui pembangunan modal insan (*Human Capital Development*). PERDA akan terus komited dalam memastikan organisasi yang unggul ini terus relevan menjadi organisasi sosio-economic engineering selaras dengan Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Ketua Pengarah ICU JPM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, Ahli-ahli MPBPP, pemimpin-pemimpin setempat, warga kerja PERDA dan keseluruhan masyarakat yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan program sepanjang tahun 2017. Semoga PERDA sentiasa mengekalkan momentum dengan merekodkan kejayaan demi kejayaan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Hj Rosman Hj Hashim
Pengurus Besar PERDA



01

LATAR BELAKANG ORGANISASI

PETUNJUK -

Kawasan Operasi PERDA
(Tidak Termasuk Daerah Timur Laut)

Kawasan Metropolitan

Kawasan Hutan Simpan

SPU
Seberang Perai Utara

SPT
Seberang Perai Tengah

SPS
Seberang Perai Selatan

DBD
Daerah Barat Daya

DTL
Daerah Timur Laut



RAJAH 1 : Kawasan Operasi PERDA

KAWASAN OPERASI PERDA

Nota:

Kawasan operasi PERDA tidak termasuk bandar/pekan yang diwartakan, tanah simpanan, sungai, hutan simpan, simpanan kubur, pantai dan pulau-pulau.

PENUBUHAN PERDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983 (Akta 282). PERDA telah mula beroperasi pada tahun 1984 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawal selia pentadbiran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

FUNGSI PERDA

- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di dalam Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

MISI PERDA

- Agensi yang menggerak pembangunan masyarakat setempat menerusi pelaksanaan dan pengurusan program/projek sosioekonomi yang berkesan melalui tadbir urus yang baik wilayah Pulau Pinang.

OBJEKTIF PERDA

- Memajukan masyarakat khususnya kumpulan sasar PERDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup;
- Membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri, perumahan serta kemudahan infrastruktur; dan
- Mengimbangi pembangunan di dalam kawasan operasi PERDA dengan kawasan di luar operasi PERDA.


VISI PERDA

- Agensi pembangunan wilayah yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan wilayah Pulau Pinang.

RAJAH 2 : SUSUNAN KEDUDUKAN PERDA DI BAWAH ICU JPM

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

KETUA PENGARAH





02

PROFIL KORPORAT



AHLI LEMBAGA **PENGARAH**



Datuk Haji Shabudin Yahaya
PENGERUSI

Dato' Ir .Dr. Shaik Hussein Mydin
TIMBALAN PENGERUSI

AHLI LEMBAGA PENGARAH

DATUK ZOLKOPLI DAHALAN

- Wakil Kerajaan Persekutuan

NORIYAH KANDAR

- Wakil Kerajaan Persekutuan

DATIN ROSNI MOHD YUSOFF

- Wakil Kerajaan Persekutuan

HAJI ROSMAN HAJI HASHIM

- Pengurus Besar PERDA

MOHD. YAZID OSMAN

- Wakil Berkedudukan Profesional

DATO' HAJI AHMAD DARUS

- Wakil Berkedudukan Profesional

DR. NOOR SIAH IDRIS

- Wakil Berkedudukan Profesional



JADUAL 1 : Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2017

BIL	NAMA	MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PERDA TAHUN 2017								JUMLAH KEHADIRAN
		BIL. 1 24 MAC	BIL. 1 (Samb.) 30 MAC	BIL. 2 25 APRIL	BIL. 2 (Samb.) 8 MEI	BIL. 3 19 JULAI	BIL. 4 28 SEPT	BIL. 5 3 NOV	BIL. 6 11 DIS	
1.	DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA									8/8
2.	DATO' IR. DR. SHAIK HUSSEIN MYDIN									8/8
3.	DATUK HAJI NOR RIZAN MOHD THANI		→							2/2
4.	DATUK ZOLKOPLI DAHALAN (MULAI 1JUN 2017)									4/4
5.	DATIN ROSNI MOHD YUSOFF					→	→	→	→	6/8
6.	NORIYAH KANDAR									8/8
7.	DATO' HAJI AHMAD DARUS					→	→	→		7/8
8.	DR. NOOR SIAH DRIS					→		→	→	5/8
9.	MOHD. YAZID OSMAN					→				8/8
10.	HAJI ROSMAN HAJI HASHIM									8/8
11.	SALHAH SALLEH (AHLI GILIR)									
12.	SHARIFAH HAMIDAH SYED HARUN (AHLI GILIR)									
13.	RAUDATIL JANNAH ABDUL WAHAB ZEN (AHLI GILIR)									

→ Hadir → Tidak Hadir

035

INFORMASI PERSONEL



PENGURUSAN ATASAN



PENGURUS-PENGURUS BAHAGIAN



ROHAIMI OTHMAN
Pembangunan Ekonomi



HAJI ANUAR SHAHAB
Perancangan Strategik



ZOLKHIFILO MOHAMED
Perancangan Strategik



SAADIN KADIR
Pembangunan Insan



ROMLI MOHAMAD
Hartanah & Teknikal



NOR RIYANA RAMLI
Kewangan



MOHD. SALLEH HUSAIN
Khidmat Pengurusan



HERETI DESA
Teknologi Maklumat

KETUA-KETUA UNIT



MOHD. HAZAHARI MD. HARIS
Pelaburan



YOHANA PUTEH
Undang-Undang



HAJI MUHAMMAD FAHIMI ABU BAKAR
Audit Dalam




SAIDATUL IZZAT MOHAMAD SHUKRI
Integriti



MOHD. AFFENDI MOHD.NOR
Perhubungan Awam

RAJAH 3 : STRUKTUR ORGANISASI PERDA



JAWATANKUASA AUDIT PERDA

Kecemerlangan pengurusan adalah merupakan satu komponen terpenting dalam tadbir urus sektor awam. Antara fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit PERDA termasuk menjalankan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan bagi menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Tumpuan Jawatankuasa Audit PERDA adalah bagi meningkatkan integriti dan akauntabiliti pengurusan dengan mengenalpasti risiko dan memastikan sistem pengawasan dan kawalan sedia ada dapat mengelak daripada terjadi perkara-perkara yang boleh menjelaskan operasi dan reputasi Lembaga.

Sepanjang tahun 2017, semua penemuan audit berserta maklumbalas oleh pengurusan dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit kemudian akan membuat penilaian ke atas setiap isu yang dibangkitkan, mengambil maklum ke atas tindakan pembetulan dan mencadangkan penambahbaikan. Laporan Jawatankuasa Audit kemudian telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA. Semua cadangan penambahbaikan yang telah dicadangkan akan diambil tindakan susulan oleh pihak pengurusan.

Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA adalah seperti di Jadual 2.

JADUAL 2 : Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA

NAMA	KEANGGOTAAN
DATIN ROSNI MOHD YUSOFF Ahli Lembaga Pengarah	Pengerusi
DATO ' AHMAD DARUS Ahli Lembaga Pengarah	Ahli
NORIYAH KANDAR Ahli Lembaga Pengarah	Ahli
HAJI MUHAMMAD FAHIMI ABU BAKAR Juruaudit Dalam	Urus Setia



Perbincangan dan percambahan fikiran Unit Audit Dalam PERDA

INFORMASI PERSONEL

Informasi personel PERDA meliputi pengurusan perjawatan, pengurusan latihan anggota PERDA serta pengiktirafan dan kualiti yang dicapai oleh PERDA. Sehingga 31 Disember 2017 jumlah keseluruhan anggota kerja PERDA adalah seramai 279 orang berbanding tahun 2016 seramai 283 orang.

Pengurusan Perjawatan

PERDA telah diluluskan 254 jawatan yang terdiri daripada 8 bahagian dan 5 unit. Sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 279 orang iaitu 98% perjawatan waran dari pelbagai kategori skim perkhidmatan telah diisi. PERDA juga telah melantik 30 orang pegawai dan kakitangan lantikan kontrak (*Contract Of Service*) dengan sebahagian besar daripada jumlah perjawatan kontrak tersebut adalah untuk keperluan tenaga pengajar di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) untuk melatih dan mendidik sumber manusia yang profesional dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Perincian perjawatan sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti di Jadual 3 berikut;

JADUAL 3 : Kedudukan Perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2017


KUMPULAN/GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi JUSA C	1	1	0
Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	79	79	0
Pelaksana (Gred 29-40)	78	77	1
Pelaksana (Gred 19-26)	65	62	3
Pelaksana (Gred 1-16)	31	30	1
JUMLAH JAWATAN TETAP	254	249	5
JAWATAN KONTRAK	30	30	0
JUMLAH KESELURUHAN	284	279	5

Pengurusan Latihan

Di bawah Pelan Strategik Pembangunan Sumber Manusia PERDA, setiap anggota PERDA perlu hadir sesi latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi pencapaian objektif kualiti seperti ketetapan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 279 anggota telah mencapai 7 hari latihan atau lebih. Sebanyak 20 program latihan anjuran dalaman telah diadakan manakala 131 program latihan anjuran luar atau lain-lain badan.

Secara keseluruhannya, latihan yang telah dilaksanakan kepada anggota kerja pada tahun 2017 menepati keperluan dalam meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam perkhidmatan. Rajah 4 berikut menunjukkan pematuhan menghadiri latihan bagi anggota kerja tetap PERDA tahun 2017.

RAJAH 4 : Pematuhan Menghadiri Latihan Anggota Kerja Tetap PERDA Tahun 2017



Pengiktirafan dan Kualiti

PERDA telah berjaya meraih sebanyak 13 pengiktirafan sepanjang tahun 2017 melalui beberapa pertandingan dan persijilan yang disertai oleh PERDA dan PERDA-TECH. Penglibatan dan pengiktirafan yang diraih oleh PERDA telah menyuntikkan lagi semangat dan komitmen berterusan PERDA untuk menjadi agensi pelaksana yang dinamik. Jadual 4 berikut menunjukkan senarai anugerah/pengiktirafan yang telah diterima oleh PERDA dalam tahun 2017.

JADUAL 4 : Pengiktirafan yang Dicapai Oleh PERDA Tahun 2017

BIL	ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN	PEMBERI ANUGERAH /PENGIKTIRAFAN	TARIKH TERIMA
1.	INSPEKTORAT PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR DAN LATIHAN KEMAHIRAN	JAB.PERDANA MENTERI	17 JAN. 2017
2.	PENSIJILAN SEMULA ISO 9001: 2008 DI DALAM SKOP :		
	I. PERKHIDMATAN SOKONGAN KORPORAT BAGI PENGURUSAN LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENGURUSAN MPDCA UNTUK GOLONGAN SASAR.	SIRIM	13 FEB. 2017
	II. PENGURUSAN MPDCA UNTUK GOLONGAN SASAR		
	III. PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN UNTUK GOLONGAN SASAR DI PERDA-TECH.		
3.	NASIONAL INNOVATION & INVENTION COMPETITION TROUGH EXHIBITION 2017 (PROJEK CHAIRLESS CHAIR TELAH MEMENANGI PINGAT GANGSA)	POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH	23 MAC 2017
4.	ANUGERAH KECEMERLANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS TAHUN 2016	JAB.PERDANA MENTERI	15 JUN 2017
5.	SIJIL AUDIT BERSIH BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016	JAB.AUDIT NEGARA	25 OGOS 2017
6.	ANUGERAH GERAI TERBAIK AGENSI KERAJAAN TEMPAT KEDUA- IBU PEJABAT PERDA	MAJLIS PEMB.BUMIPUTERA P.PINANG	30 OGOS 2017
7.	EKSPO USAHAWAN BUMIPUTERA DAN HARI KOPERASI NEGARA 2017	MAJLIS PEMB.BUMIPUTERA P.PINANG	30 OGOS 2017
8.	ANUGERAH CISCO NETRIDERS COMPETITION PERINGKAT KEBANGSAAN 2017- PERDA-TECH	CISCO NETWORKING ACADEMY MALAYSIA	23 OGOS 2017
9.	ANUGERAH PINGAT EMAS INNO HOMESTAY – FOR INNOVATIVE HOMESTAY TRIP MODULE INNO TOURISM MODULE TRAIL (IIDEX 2017 & PIID 2017).	UiTM PULAU PINANG	29 SEPT.2017
10.	IIDEX 2017- INVENTION, INNOVATION AND DESIGN EXPOSITION 2017 ANUGERAH PINGAT EMAS INNO HOMESTAY- FOR INNOVATIVE HOMESTAY TRIP MODULE INNO TOURISM MODULE TRIAL.	UiTM SHAH ALAM	29 SEPT.2017
11.	ANUGERAH INNOVASI NEGARA (AIN)2017 KATEGORI AKAR UMBI - FINALIS 10 TERBAIK	KEM. SAINS TEKNOLOGI & INNOVASI	16 OKT. 2017
12.	ANUGERAH PENGANJUR EFEKTIF PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDERMA DARAH SEDUNIA	HOSPITAL KULIM	17 NOV. 2017
13.	PERTANDINGAN REKAAN FESYEN MENGGUNAKAN BAHAN TERBUANG SEMPENA KARNIVAL JUALAN MEGA & HARI PENGGUNA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017 PERINGKAT KEBANGSAAN - JOHAN	KEM. PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI & PENGGUNAAN	26 NOV 2017

Pengiktirafan dan Kualiti



Anugerah Innovasi Negara (AIN) 2017 kategori akar umbi Finalis 10 terbaik dimenangi oleh PERDA-TECH



Pelbagai anugerah diberikan sempena PenBEX 2017 ,
Anugerah Gerai Terbaik Agensi Kerajaan - Tempat Kedua
dimenangi Ibu pejabat PERDA



04

PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus


Peruntukan Mengurus bagi Dasar Sedia Ada telah diluluskan pada tahun 2017 berjumlah RM17,489,100.00 dan diluluskan juga peruntukan tambahan berjumlah RM5,700,000.00. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah peruntukan mengurus yang telah disalurkan adalah berjumlah RM23,189,100.00 dan prestasi perbelanjaan adalah 100%.

Peruntukan sumber dalaman PERDA sebanyak RM14,240,750.00 telah diluluskan bagi menampung kekurangan peruntukan mengurus yang telah dijangkakan. Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM6,163,724.88 (43.28%) daripada sumber dalaman yang diperuntukkan telah dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus. Prestasi perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti di Jadual 5 dan perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus tahun 2016 & 2017 adalah seperti di Rajah 5.

JADUAL 5 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2017

BUTIRAN	DASAR SEDIA ADA	SUMBER DALAMAN
PERUNTUKAN DILULUSKAN	RM 17,489,100.00	RM14,240,750.00
PERUNTUKAN TAMBAHAN DILULUSKAN	RM5,700,000.00	-
PERUNTUKAN DITERIMA	RM23,189,100.00	-
PERBELANJAAN	RM23,189,100.00 (100%)	RM6,163,724.88(43.28%)

RAJAH 5 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016 & 2017



Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Di bawah *Rolling Plan 2 RMK-11* tahun 2017, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM12,089,874.00 bagi pelaksanaan 2 projek pembangunan yang merupakan projek/program sambungan iaitu Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan lain-lain kerja berkaitan di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Pulau Pinang (berjumlah RM8,089,874.00) dan Projek Infrastruktur Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap, Pulau Pinang (berjumlah RM4,000,000.00).


Sehingga 31 Disember 2017, jumlah penyaluran peruntukan yang telah disalurkan kepada PERDA adalah berjumlah RM16,839,124.00, yang melibatkan penambahan 1 program sambungan iaitu Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran yang berjumlah RM4,749,250.00. Selain itu, daripada jumlah yang diluluskan sebanyak RM 16,839,124.00, pihak PERDA telah melaksanakan Notis Perubahan (*Notice of Change*) yang melibatkan pindahan peruntukan berjumlah RM3,750,750.00 dari Dewan Serbaguna kepada Projek Infrastruktur Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap sejumlah RM2,000,000.00 dan Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran sejumlah RM 1,750,750.00. Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan Sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti di Jadual 6.

JADUAL 6 : Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan Sehingga 31 Disember 2017

BUTIRAN	WANG SEMASA			
	PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR & LATIHAN KEMAHIRAN	DEWAN SERBAGUNA KUBANG MENERONG	PERUMAHAN MAMPU MILIK SUNGAI BAKAP	JUMLAH
Peruntukan Diluluskan	0.00	RM8,089,874.00	RM4,000,000.00	RM12,089,874.00
Peruntukan Diterima	RM6,500,000.00	RM4,339,124.00	RM6,000,000.00	RM16,839,124.00
Perbelanjaan Sebenar	RM6,500,000.00	RM4,339,124.00	RM6,000,000.00	RM16,839,124.00
Peratus Perbelanjaan	100%	100%	100%	100%

PERDA turut diluluskan penggunaan sumber dalaman (Wang Hasil Terkumpul Pembangunan Sehingga Tahun 2017) sebanyak RM27,387,695.18 bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak RM22,142,343.63 (80.85%) telah dibelanjakan. Maklumat prestasi perbelanjaan sumber dalaman adalah seperti di Rajah 6 dan Jadual 7.

RAJAH 6 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Sumber Dalaman (Wang Hasil) Bagi Tahun 2016 & 2017




JADUAL 7: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sumber Dalaman Sehingga 31 Disember 2017

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)	Baki (RM)
1	Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik Sungai Bakap, SPS	9,065,595.18	4,182,065.71	46.13	4,883,529.47
2	Pembinaan Dewan Serbaguna Tasek Gelugor,SPU	1,000.00	0.00	0.00	1,000.00
3	Akaun Akhir	270,000.00	49,859.58	18.47	22,140.42
4	Projek Perumahan Sejahtera Rakyat Kuala Sungai Pinang, DBD	100.00	0.00	0.00	100.00
5	Penyelenggaraan Aset & Premis	600,000.00	521,648.13	86.94	78,351.87
6	Pemasaran Hartanah	50,000.00	29,723.95	59.45	20,276.05
7	Program Pemilikan Hotel PERDA di Telok Bahang , DBD	17,000,000.00	17,000,000.00	100.00	0.00
8	Pengurusan Kompleks PERDA Food Park	300,000.00	271,492.28	90.50	28,507.72
9	Tabung Pelajar	3,000.00	1,300.00	43.33	1,700.00
10	CoAS	98,000.00	86,253.98	88.01	11,746.02
Jumlah		27,387,695.18	22,142,343.63	80.85	5,245,351.55

Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan Wang Amanah berjumlah RM7,056,221.73 daripada lain-lain jabatan/agensi bagi pelaksanaan program & projek pembangunan. Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM5,155,672.87 (73.07%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan dan Rajah 7 menunjukkan perbandingan perbelanjaan Wang Amanah bagi tahun 2016 & 2017 manakala prestasi perbelanjaan pembangunan Wang Amanah adalah seperti di Jadual 8.

RAJAH 7 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Tahun 2016 & 2017




JADUAL 8 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Sehingga 31 Disember 2017

Bil	Projek	Peruntukan	Perbelanjaan	Prestasi	Baki
		(RM)	(RM)	(%)	(RM)
1	Skim Rangsangan Usahawan Pertengahan	1,007,838.91	552,495.88	54.82	455,343.03
2	Program Pembangunan Usahawan Mikro, Kecil & Pertengahan	1,116,809.83	769,804.86	68.93	347,004.97
3	Program Pembangunan Usahawan Batik dan Kraftangan	79,040.05	33,554.08	42.45	45,485.97
4	Pembangunan Produk-Produk Pelancongan Bumiputera	528,156.44	319,801.85	60.55	208,354.59
5	PenBEX	500,000.00	500,000.00	100.00	0.00
6	Tabung Modal Pusingan Bumiputera Pulau Pinang	0.00	0.00	0.00	0.00
7	Promosi Pelancongan Bumiputera	200,000.00	73,556.04	36.78	126,443.96
8	Program Promosi & Pemasaran Usahawan Luar Negara 2017	200,000.00	0.00	0.00	200,000.00
9	Program Pembangunan Koperasi	200,000.00	0.00	0.00	200,000.00
10	Program Didik Cemerlang Akademik	2,200,000.00	2,200,000.00	100.00	0.00
11	Program Sukses Asas Teknikal (SAKTI)	270,000.00	80,584.21	29.85	189,415.79
12	Program Kemahiran Tinggi Tahap 4	330,000.00	330,000.00	100.00	0.00
13	Program Peningkatan Kemahiran 2017	100,000.00	0.00	0.00	100,000.00
14	Program Pemerkasaan Belia 2.0(Pewaris Nusa)	230,000.00	225,696.49	98.13	4,303.51
15	Program Khemah Ibadat	23,495.06	23,177.93	98.65	317.13
16	Program Kesejahteraan Rakyat	0.00	0.00	0.00	0.00
17	Program 'Touch Point' (Permohonan CSR melalui PVI)	70,881.44	47,001.53	66.31	23,879.91
Jumlah		7,056,221.73	5,155,672.87	73.07	1,900,548.86


Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun (2013-2017)

Perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2013 sehingga 2017 adalah seperti di Rajah 8 dan 9. Prestasi perbelanjaan Wang Semasa Pembangunan bagi pada tahun 2013 sehingga 2017 amat memberangsangkan, walau bagaimanapun sedikit menurun pada tahun 2016.

RAJAH 8 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Bagi Tahun (OE) 2013 Seingga 2017



RAJAH 9 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun (DE) 2013 Seingga 2017



Perbandingan prestasi kewangan PERDA secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2013 hingga 2017 adalah seperti di Jadual 9.

JADUAL 9 : Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA Bagi Tahun 2013 Sehingga 2017

BUTIRAN KEWANGAN	TAHUN 2013 (RM)	TAHUN 2014 (RM)	TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)
i Pendapatan	74,088,753	96,555,767	59,899,100	43,589,931	47,340,139
ii Perbelanjaan	58,610,760	77,171,664	51,395,567	38,267,855	39,419,019
iii Lebihan/(Kurangan)	15,477,993	19,384,103	8,503,533	5,322,076	7,921,120
iv Lebihan/(Kurangan) Terkumpul	190,172,158	208,705,613	216,412,428	220,440,196	230,556,168
v Aset Tetap	303,269,044	318,006,638	328,312,747	350,799,926	365,763,933
vi Aset Semasa	369,653,787	339,556,226	311,813,529	302,382,019	323,365,448
vii Tanggungan Semasa	8,727,324	22,360,298	19,279,484	15,879,151	21,389,066
Viii Tanggungan Jangka Panjang	24,522,235	22,341,483	32,996,928	37,231,428	35,283,555
ix Harta Bersih	664,195,507	635,202,566	620,846,792	637,302,794	667,740,315
NISBAH CAIRAN	42.36 : 1	15.19 : 1	16.17 : 1	19.04 : 1	15.12 : 1

Analisis kecairan semasa menunjukkan PERDA mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan dengan kadar nisbah cairan pada 15.12 :1 bagi tahun 2017, pada kadar 19.04 :1 pada tahun 2016 berbanding pada kadar 16.17 :1 pada tahun 2015, manakala pada tahun 2014 pada kadar 15.19:1. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013 peningkatan nisbah cairan iaitu 42.36 :1 disebabkan rezab (tunai/simpanan tetap) adalah tinggi hasil dari Wang Tabung Akaun Khas MPBPP.



05

INFRASTRUKTUR ICT

INFRASTRUKTUR ICT

Usaha ke arah meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT sentiasa dijalankan bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam antara aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun 2017 adalah:

Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

Rangkaian (LAN - Local Area Network)

Menghubungkan capaian antara komputer, pencetak, server dan internet di PERDA dan PERDA-TECH, menggunakan talian fiber optik (*backbone*) berkelajuan 1GB.

Talian Internet

Terdapat 3 jenis talian Wide Area Network (WAN) yang telah dipasang di Ibu Pejabat PERDA dan PERDA-TECH iaitu METRO-E di Ibu Pejabat PERDA (15 Mbps) dan di PERDA-TECH (20Mbps) untuk kegunaan internet dan 1GOV*NET/EG* NET di Ibu Pejabat PERDA (2Mbps) untuk internet ICU (Aplikasi *online* perdana ICU).

Perisian

Perisian-perisian yang digunakan bagi melancarkan operasi di PERDA dan pembelajaran di PERDA-TECH adalah seperti di Jadual 10 ;

JADUAL 10 : Perisian Yang Disediakan Di PERDA dan PERDA-TECH

PERISIAN DI PERDA	PERISIAN DI PERDA-TECH
<ul style="list-style-type: none">Windows XP, Vista, 7/8/10, Linux CentOS v6.x/ v7.x, Unix AIX v5.3, Win Server v2003, v2008 R2, v2012Lotus Notes v7.2Citrix Xenserver 6.5Kaspersky Antivirus v10.xMicrosoft Office 2007 & 2013Joomla v1.5 & v3.5MySQL v2.5.x, Microsoft SQL Server 2005, Informix v9.40Visual Web Developer, Macromedia Dreaweweaver, Power BuilderAdobe Photoshop v6.x, Adobe After Effect v6.x, Proshow Producer v5.0, Autocad	<ul style="list-style-type: none">Windows XP, Windows 7, Windows 10Microsoft Office 2010, VCNC, Mastercam, 3DS Max 7Adobe After Effect7.0, Adobe Illustrator CS5, Adobe Photoshop CS6, Adobe Premier Pro CS6.Anark Studio 3.5, Autodesk Maya 2011Macromedia Dreamweaver 8, Macromedia Flash 8Sonic Foundry Acid ProSony Sound Forge 8.0Autocad 2013ProEngineer Wildfire 5.0, Creo, Catia, NX9.0


Pembangunan Dan Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan

Sehaluan dengan agenda untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui sistem-sistem aplikasi *online* dan elektronik di agensi, antaranya ialah seperti yang dipaparkan di Jadual 11 :


JADUAL 11 : Sistem aplikasi online dan elektronik di PERDA



Sistem MyAsset



Laman IDEA Warga PERDA




Sistem Perjawatan PERDA (eRecruit)



Sistem Pengurusan Stor Latihan
PERDA-TECH (myStore)

06

PERDA-TECH



PERDA-TECH

Sepanjang tahun 2017, PERDA-TECH telah menawarkan program pengajian kemahiran melibatkan 9 program peringkat sijil dan 6 program peringkat diploma, iaitu 3 program Diploma Kemahiran di bawah pengiktirafan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan 3 program yang telah diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Agency (MQA)*.

Pada tahun 2017 ini juga PERDA-TECH masih meneruskan pelaksanaan Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) kepada pelajar-pelajar

bumiputera seluruh Pulau Pinang lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Focus Group Pembangunan Modal Insan, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang ini melibatkan 3 program asas kemahiran iaitu kimpalan, automotif dan jahitan.

Jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di PERDA-TECH sepanjang tahun 2017 mengikut bidang pengajian adalah seperti di Jadual 12 berikut :

JADUAL 12 : Bilangan Pelajar di PERDA-TECH mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2017

Bil.	Bidang Pengajian	Bilangan Pelajar		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1.	Sijil Teknologi Automotif	128	3	131
2.	Sijil Teknologi Elektrik	124	8	132
3.	Sijil Teknologi Kimpalan	96	3	99
4.	Sijil Kejuruteraan Pertanian	33	26	59
5.	Sijil Senireka Fesyen	3	68	71
6.	Sijil Rekabentuk Multimedia	39	55	94
7.	Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan)	45	10	55
8.	Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Produk)	12	18	30
9.	Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Acuan)	20	11	31
10.	Diploma Kemahiran Malaysia (Kejuruteraan Kimpalan)	40	1	41
11.	Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Automotif)	44	0	44
12.	Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Maklumat)	19	20	39
13.	Diploma Teknologi Kejuruteraan (Rekabentuk Produk)	21	17	38
14.	Diploma Teknologi Kejuruteraan (Pemesinan CNC Jitu)	13	2	15
15.	Diploma Produksi Kreatif (Filem & Animasi)	19	10	29
16.	Program Khas SAKTI	75	36	111
JUMLAH KESELURUHAN:		731	288	1,019

Dalam tahun 2017 ini juga, PERDA-TECH telah menyertai beberapa pertandingan inovasi seluruh Malaysia sebagai usaha untuk mengetengahkan bakat, kebolehan dan kemampuan serta menggalakkan peningkatan kreativiti di kalangan pelajar dan tenaga pengajar di samping untuk mempromosikan PERDA-TECH sebagai institusi kemahiran yang berwibawa. Pertandingan yang disertai sepanjang tahun 2017 adalah seperti di bawah:

I-COMPEX'17

National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (i-Compex'17)

- 1 Gangsa- Chairless Chair Project

Anugerah Harta Intelek Negara 2017

Peringkat Zon Utara , Kategori Pereka Cipta Harta Intelek

- Sagu Hati

Pertandingan CISCO Netriders 2017

Peringkat Kebangsaan

- FINALIST

Penyertaan Pertandingan Instagram Merdeka 2017

Sempena Hari Kebangsaan Tahun 2017 (Foto dan Video), Anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)

- Sijil Penyertaan

Anugerah Inovasi Negara Kategori Akar Umbi

Projek Mini Eco Planting Rack, Sempena Hari Inovasi Negara

- Finalist, 10 Yang Terbaik

Pertandingan Rekaan Fesyen Menggunakan Bahan Terbuang Sempena Karnival Jualan Mega & Hari Pengguna

Peringkat Kebangsaan Tahun 2017

- Johan




Projek Mini Eco Planting Rack

Seterusnya PERDA-TECH melalui *Unit Centre Of Advanced Skills* (CoAS) telah mengadakan pelbagai program kursus jangka pendek kepada orang awam dan pekerja industri yang berminat untuk memajukan diri dan merebut peluang dalam kemajuan kerjaya yang diceburi. Pada tahun ini juga melalui CoAS, PERDA-TECH telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Kolej Vokasional Balik Pulau khususnya untuk program Akademi Cisco.

Unit Centre Of Advance Skills (CoAS) juga telah menganjurkan Program Asas Penanaman Cendawan *Volvariella Volvacea* untuk komuniti setempat sebagai inisiatif untuk meningkatkan pendapatan penduduk di sekitar PERDA-TECH ini. Seramai 30 orang penduduk setempat telah menyertai Kursus Asas Penanaman Cendawan ini.

Antara kursus-kursus jangka pendek yang telah diadakan dalam tahun 2017



Majlis Konvokesyen Ke 9

Majlis Konvokesyen pada tahun ini telah diadakan pada 7 dan 8 November 2017 bertempat di Dewan Utama PERDA-TECH. Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah PERDA, Dato Dr. Ir Shaikh Hussein Mydin dan Dato' Syed Shaari Syed Abdullah, Pegawai Kemajuan Negeri Pulau Pinang. Seramai 363 graduan telah menerima sijil dan diploma masing-masing. Pada tahun ini terdapat lima anugerah telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang, iaitu Anugerah Emas, Anugerah Pengurus Besar, Anugerah Pengarah PERDA-TECH dan dua Anugerah Kecemerlangan Akademik.



Lima anugerah telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang pada Majlis Konvokesyen ke 9



07

PEMBANGUNAN HARTANAH

PEMBANGUNAN HARTANAH

Sepanjang tahun 2017, projek-projek pembangunan dilaksanakan dalam usaha memberikan impak pertumbuhan pembangunan harta tanah dan kesan kepentingan terhadap penduduk di negeri Pulau Pinang. Selain itu, projek pembinaan dewan untuk masyarakat diteruskan bagi mewujudkan keharmonian penduduk di luar bandar.

Projek Pembangunan Yang Telah Siap

• Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kg.Tok Subuh, Bukit Minyak, SPT

Projek ini mula dibina pada 20 Oktober 2012, siap sepenuhnya pada 21 Disember 2017. PERDA adalah pemilik tanah manakala pemilik projek serta pelaksana adalah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Komponen utama adalah 231 unit rumah teres 1 tingkat serta lain-lain kemudahan awam. Unit-unit rumah ini dijual dengan harga RM 35,000 seunit.



Rumah teres 1 tingkat



Orang ramai datang mengembalikan borang rumah PPR untuk semakan



Dewan Serbaguna

Projek Pembangunan Dalam Pembinaan

- Kerja Bangunan Projek Pembangunan Dewan Serbaguna, Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU**

Prestasi kerja-kerja pembinaan di tapak sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak 48% dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2018. Di antara kemudahan yang terdapat pada dewan ini adalah pentas, bilik VIP, tandas, surau, bilik persalinan, parkir dan sebagainya. Projek pembinaan dewan ini akan dapat menampung kapasiti 1,200 orang pengguna.



Dewan Serbaguna Kubang Menerong dalam pembinaan

- Projek Pembangunan Bercampur Sungai Bakap, SPS (Fasa 1)**

Kerja-kerja pembinaan bagi Fasa 1 sedang dilaksanakan dengan prestasi pelaksanaan kerja di tapak sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak 91.5%. Komponen pemajuan fasa 1 adalah 72 unit rumah kluster teres kos rendah, 112 unit rumah teres dua tingkat kos sederhana dan 5 unit kedai dua tingkat. Proses penjualan unit-unit rumah ini sedang giat dilaksanakan oleh PERDA.



Perumahan Sungai Bakap Fasa 1 (rumah teres dua tingkat) dalam pembinaan





08

PEMBANGUNAN EKONOMI

PEMBANGUNAN EKONOMI

Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)

SSPUP telah diwujudkan atas inisiatif Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang yang bertujuan untuk mewujudkan usahawan yang berdaya saing melalui pendekatan bimbingan secara komprehensif bagi membangunkan tahap daya saing perniagaan syarikat bumiputera yang berkecimpung dalam pelbagai sektor industri di Pulau Pinang. Antara objektif utama skim ini adalah untuk mewujudkan syarikat bumiputera kelas pertengahan yang dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan sosioekonomi bumiputera Pulau Pinang.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 10 buah syarikat bumiputera telah dipilih untuk menerima bantuan mesin dan peralatan berbentuk geran di bawah SSPUP. Jumlah penyaluran bantuan kepada usahawan-usahawan ini adalah sebanyak RM 560,818.53.

Kluster Perniagaan Pembiayaan Mesin Dan Peralatan Tahun 2017




Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan (SMPPU)

SMPPU merupakan suatu inisiatif yang diwujudkan bagi menyediakan kemudahan modal pusingan kepada usahawan-usahawan bimbingan yang berkecimpung dalam pelbagai sektor industri di Pulau Pinang. Skim ini merupakan pelengkap kepada bantuan-bantuan keusahawanan yang telah diberikan oleh agensi-agensi kerajaan persekutuan di negeri ini.


Skim ini bermula pada Jun 2014 dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta yang diterima daripada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang. Seterusnya, peruntukan tambahan berjumlah RM 5 juta telah disalurkan pada 27 Julai 2015 menjadikan jumlah penyaluran sebanyak RM 10 juta.

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak RM17,185,000.00 pinjaman telah diagihkan kepada 168 syarikat. Sejumlah RM 2,875,000.00 daripada pinjaman tersebut telah diagihkan sepanjang tahun 2017 melibatkan 25 penerima faedah. Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM 18,155,254.20 telah berjaya dikutip daripada peminjam-peminjam terlibat. Bilangan yang telah mendapat faedah daipada SMPPU sejak tahun 2014 pecahan mengikut kluster perniagaan dipaparkan seperti di Rajah 10 & 11 .

RAJAH 10 : Bilangan Penerima Faedah SMPPU Mengikut Tahun



RAJAH 11 : Bilangan Penerima Faedah Mengikut Kluster Perniagaan




Program Pembangunan Usahawan Mikro

Program Pembangunan Usahawan Mikro yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Ekonomi PERDA menekankan pembangunan usahawan dari segala aspek terma keusahawanan. Antara subprogram yang terletak di bawah program ini adalah seperti Geran Pembangunan Ekonomi PERDA (GPEP) yang merangkumi geran mesin/peralatan dan geran naik taraf premis. Di bawah geran yang dikenali sebagai GPEP ini, penerima layak menerima geran mesin/peralatan sehingga RM15,000 dan bagi geran naik taraf premis sehingga RM20,000.

Di samping pemberian geran kepada para usahawan, Bahagian Pembangunan Ekonomi juga sentiasa mengadakan kursus-kursus keusahawanan yang merangkumi pelbagai modul yang bersesuaian dengan keperluan dan permintaan semasa usahawan Pulau Pinang. Sebagai usaha untuk memantapkan aktiviti pemasaran produk usahawan, PERDA turut membawa para usahawan ke ekspo-ekspo keusahawanan peringkat negeri dan juga kebangsaan. Rajah 12 di bawah menunjukkan program dan aktiviti yang dijalankan disertai oleh usahawan bimbingan PERDA pada tahun 2017.

RAJAH 12 : Pecahan Perbelanjaan Aktiviti Program Pembangunan Usahawan Mikro Tahun 2017



Perincian Pecahan Aktiviti/Program Usahawan Tahun 2017 (Bilangan Syarikat Yang Mendapat Manfaat)


MESIN &
PERALATAN

46
Syarikat

PROMOSI
DALAM NEGARA

- MIHAS 2017
- 2nd Islamic Bike Fest
- Ekspo Keusahawanan Pelajar Dan PKS

40
Syarikat



NAIK TARAF
PREMIS

5
Syarikat

KURSUS/SEMINAR
USAHAWAN

- Seminar Ke Arah Pensijilan Mesti Dan Halal
- Seminar Transformasi Keusahawanan Tahun 2017
- Kursus Pengurusan Jualan
- Kursus Kreatif Dan Inovasi Dalam Perniagaan
- Kursus Pengurusan Kewangan Perniagaan
- Kursus Kaedah Pengendalian Kewangan Persendirian
- Kursus Pengurusan Kos Dan Margin Keuntungan
- Mini Konvensyen Usahawan Mikro Tahun 2017

850
Peserta


• Program Peningkatan Pelancongan Bumiputera

Homestay atau juga dikenali sebagai ‘Inap Desa’ adalah salah satu bentuk kemudahan tempat tinggal yang membolehkan pelancong tempatan dan asing menikmati suasana pengalaman baru tinggal bersama keluarga angkat dalam suasana kampung. Pelaksanaan program *homestay* di Pulau Pinang telah mendapat sokongan padu daripada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang dan telah digariskan sebagai inisiatif strategik di bawah Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang. PERDA telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui pelaksanaan program-program sokongan bagi membangunkan industri *homestay* yang sedang diusahakan di 11 buah perkampungan. *Homestay-homestay* tersebut adalah seperti berikut :

- Homestay Sungai Setar
- Homestay Sungai Chenaam
- Homestay Sungai Duri
- Homestay Pulau Aman
- Homestay Telok Bahang
- Homestay Jalan Bharu, Balik Pulau
- Homestay Pulau Betong
- Homestay Mengkuang Titi
- Homestay Kota Aur
- Homestay Lahar Yooi
- Homestay Sungai Semilang

Antara bentuk program sokongan yang dilaksanakan ialah promosi, bengkel dan kursus. Program sokongan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada beberapa agensi/jabatan seperti Kementerian Pelancongan, UiTM Pulau Pinang, persatuan/agensi pelancongan bumiputera, pemilik hotel dan restoran bumiputera serta lain-lain pihak yang berkepentingan. Pada tahun 2017, penumpuan diberikan kepada aktiviti promosi pakej-pakej pelancongan *homestay* yang telah dibangunkan. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan/disertai sepanjang tahun 2017.

Impak program-program pelancongan yang disertai peserta-peserta antaranya adalah dapat mencetus idea untuk menawarkan produk/servis baru di kawasan *homestay* masing-masing dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan. Selain itu melalui program *Matta Fair* dapat mempromosikan *homestay* tersebut serta pendapatan para *operator homestay* dapat ditingkatkan melalui kaedah pemasaran ‘roadshow’.



• Program Pembangunan Sauna Herba dan Urutan Tradisional Homestay Pulau Pinang

PERDA mengambil tanggungjawab merancang, melaksanakan dan memantau Projek Pembangunan Sauna Herba dan Urutan Tradisional Homestay Pulau Pinang, di bawah perancangan Jawatankuasa *Focus Group* Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan Bumiputera Pulau Pinang yang membabitkan 4 kawasan *homestay* iaitu seperti berikut :

1

Homestay Sungai Setar, Seberang Perai Selatan

- Diuruskan oleh Koperasi Pembangunan Sungai Setar Nibong Tebal Berhad

2

Homestay Sungai Chenaam, Seberang Perai Selatan

- Diuruskan oleh Koperasi Homestay Sungai Chenaam Nibong Tebal Berhad

3


Homestay Sungai Duri, Seberang Perai Selatan

- Diuruskan oleh Koperasi Pembangunan Kampung Tradisional Sungai Duri

4

Homestay Mengkuang Titi, Seberang Perai Tengah

- (Diuruskan oleh Koperasi GDW Mengkuang Berhad



Projek Sauna Herba Sungai Chenaam, SPS



Projek Sauna Herba Sungai Setar, SPS

Kesemua projek ini adalah diuruskan dan dikawal selia oleh koperasi setiap kawasan yang diberikan tanggungjawab mengoperasikan setiap sauna mengikut kawasan masing-masing. Kesemua projek yang melibatkan 4 kawasan di atas telah pun siap sepenuhnya termasuk pemasangan sistem sauna dan kelengkapan yang telah disediakan dan telah pun beroperasi. Pelaksanaan program/projek ini akan menjadi satu sumber pendapatan kepada penduduk setempat dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dengan cara yang tersendiri.

• Program Pemantapan dan Pengukuhan Homestay Pulau Pinang

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang membantu merancakkan industri *homestay* di Pulau Pinang. Antara inisiatif yang telah diambil termasuklah menambahkan pengalaman dan pengetahuan para penggiat industri *homestay* di Pulau Pinang dengan menganjurkan siri lawatan pemantapan dan pengukuhan *homestay* di kawasan Melaka (*Homestay Paya Lebar*), Negeri Sembilan (*Homestay Pachitan*) dan Selangor (*Homestay Banghurst*).

Program lawatan pengukuhan turut merupakan salah satu dari program sokongan yang dilaksanakan bagi memberi pengalaman kepada para peserta *homestay* untuk meluaskan lagi ilmu berkenaan industri ini. Dengan pelaksanaan program-program pembangunan ini, adalah diharapkan ia dapat membantu merancakkan industri *homestay* Pulau Pinang sekaligus dapat membantu menambahkan pendapatan sampingan kepada para peserta *homestay* di Negeri Pulau Pinang.



Lawatan para penggiat homestay ke Homestay Banghurst, Selangor, Homestay Paya Lebar, Melaka & Homestay Pachitan, Negeri Sembilan bagi menambahkan pengetahuan dalam industri ini

Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX)

PenBEX merupakan program di bawah naungan Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) yang dikendalikan melalui Jawatankuasa Focus Group Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bumiputera Pulau Pinang serta diurussetiakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang. PenBEX tahun 2017 telah dilaksanakan pada 24 hingga 31 Ogos 2017, bertempat di Midtown PERDA, Kubang Menerong, Pulau Pinang. PenBEX 2017 telah di sertai oleh 316 buah syarikat yang memperkenalkan pelbagai kategori produk makanan, pakaian, perkhidmatan, kosmetik, herba dan perubatan. PenBEX 2017 telah dilaksanakan bersama-sama Sambutan Hari Koperasi Negara dan Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Pulau Pinang.



Majlis Perasmian PenBex 2017



Pelaksanaan PenBEX 2017, telah menarik 100,000 orang pengunjung dengan penyediaan pelbagai aktiviti jualan dan acara-acara menarik yang di jalankan adalah persembahan oleh artis-artis tempatan, pertandingan Autoshow, Street Soccer, Sepak Raga Tuju, Pidato, majlis-majlis ilmu seperti Forum Perdana dan aktiviti pemadanan perniagaan, PenBEX 2017, telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah memberi kesan yang positif di dalam membantu golongan usahawan di dalam mempamer dan mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Sebanyak RM 1.8 juta nilai jualan telah direkodkan di sepanjang pelaksanaannya.

09

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Success

Solution

Business Strategy

Innovation
Branding
Solution
Marketing
Analytics
Ideas
Success
Management

SOCIAL NETWORK



10000
10000
8000
6000
4000
2000

0000

Aug Sep Oct Nov Dec

Program Kecemerlangan Akademik

PERDA telah melaksanakan Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) yang mana bertujuan untuk meningkatkan kualiti kecemerlangan akademik di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di negeri Pulau Pinang. Program ini berjalan lancar dengan kerjasama melalui strategi lautan biru kebangsaan yang melibatkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Bahagian Penyelaras Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPNPP). Pelbagai program dan aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

Keseluruhan peruntukan yang digunakan untuk perlaksanaan Mutiara PDCA 2017 adalah berjumlah RM7.4 Juta yang telah diselaraskan kepada tiga (3) agensi iaitu PERDA, BPPB dan ZPP seperti berikut iaitu, sebanyak RM2.2 Juta (PERDA), RM3.7 Juta (BPPBPP) dan RM1.5 Juta (ZPP). PERDA telah membelanjakan sebanyak RM2.2 Juta bagi pelaksanaan keseluruhan program sepanjang tahun 2017.

Bagi tahun 2017, sebanyak 26 siri program telah berjaya dilaksanakan oleh PERDA, antaranya Program SMART (Seminar Pelajar Terbilang) UPSR, dan SPM, Program Straight A's UPSR, Towards Excellence SPM, Spot A UPSR & SPM dan Program English is Fun. Seramai 4,770 orang pelajar dari 71 buah sekolah telah mengikuti semua program ini. Program yang dirancang dan dilaksanakan oleh PERDA lebih tertumpu kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, dan SPM pada tahun 2017.

Antara Aktiviti-Aktiviti Program MPDCA Tahun 2017



Subjek-subjek yang ditekankan sepanjang program PDCA berlangsung adalah subjek yang penting iaitu Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Para pelajar diajar dan didedahkan dengan teknik menjawab soalan peperiksaan yang betul di dalam setiap program MPDCA. Aktiviti-aktiviti program MPDCA bagi tahun 2017 adalah seperti di Jadual 13.

JADUAL 13 : Aktiviti-aktiviti Program MPDCA Tahun 2017

AKTIVITI PROGRAM	PESERTA	BIL PESERTA
• TAKLIMAT GURU PENYELARAS 2017	GURU	64
• BENGKEL BINA MODUL PDCA 2017	GURU	90
• PROGRAM SMART SPM 2017	PELAJAR SPM	895
• PROGRAM SMART UPSR 2017	PELAJAR UPSR	902
• PROGRAM SMART UPSR SIRI 3/2016	PELAJAR UPSR	1,371
• PROGRAM STRAIGHT A'S UPSR :ENGLISH SIRI 1 & 2	PELAJAR UPSR	301
• PROGRAM STRAIGHT A'S UPSR : MATH SIRI 1 & 2	PELAJAR UPSR	300
• PROGRAM STRAIGHT A'S UPSR SAINS SIRI 1 & 2	PELAJAR UPSR	295
• SPOT A UPSR BERSAMA BERITA HARIAN 2017	PELAJAR UPSR	238
• SEMINAR MOTIVASI PELAJAR MENENGAH	PELAJAR SPM	500
• PROGRAM ENGLISH IS FUN SPM	PELAJAR SPM	48
• TOWARDS EXCELLENCE SPM : MATH SIRI 1 & 2	PELAJAR SPM	283
• TOWARDS EXCELLENCE SPM : SAINS SIRI 1 & 2	PELAJAR SPM	295
• TOWARDS EXCELLENCE SPM : ENGLISH SIRI 1 & 2	PELAJAR SPM	295
• SPOT A SPM BERSAMA BERITA HARIAN 2017 (ALIRAN SASTERA)	PELAJAR SPM	120
• SPOT A SPM BERSAMA BERITA HARIAN 2017 (ALIRAN SAINS)	PELAJAR SPM	60
• TOWARDS EXCELLENCE SPM : SAINS ELEKTIF SIRI 1 & 2	PELAJAR SPM	238
• MAJLIS APRESIASI GURU PENYELARAS & JURULATIH UTAMA MPDCA 2017	GURU PENYELARAS & JURULATIH	450
• MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN MPDCA 2016 & PELANCARAN MUTIARA PDCA 2017	PENYELARAS/GURU	500
• BENGKEL PEMURNIAN MODUL TUISYEN SPM 2018	JURULATIH UTAMA	75
Jumlah Keseluruhan		7,320

Pelaksanaan keseluruhan program ini telah mendatangkan faedah dan impak yang begitu baik kepada keseluruhan pelajar-pelajar luar bandar di negeri Pulau Pinang. Pencapaian pelajar-pelajar memperolehi 6A di peringkat UPSR adalah seramai 39 orang (1.04%) dan 51 orang (1.36%) mendapat 5A 1B daripada 3,737 orang pelajar UPSR bagi sekolah-sekolah di bawah bimbingan PERDA. Jadual 14 dan 15 di bawah menunjukkan keputusan UPSR dan pencapaian mengikut subjek yang diperoleh pelajar PERDA bagi tahun 2016.

JADUAL 14 : Pencapaian UPSR 2016 Sekolah Tajaan PERDA

NO.	PERKARA	BILANGAN	PERATUS (%)
1	Bilangan pelajar PDCA	3,737	100.00%
2	Jumlah pelajar 6A	39	1.04%
3	Jumlah pelajar semuasubjek Minimum D/JumlahLULUS	2,446	65.45%
4	Jumlah GAGAL	1,291	34.55%
5	Gred Purata PDCA	3.059	-

JADUAL 15 : Pencapaian UPSR 2016 Sekolah Tajaan PERDA Mengikut Subjek

SUBJEK / KEPUTUSAN	BILANGAN PELAJAR PDCA					JUMLAH	GPMP
	A	B	C	D	E		
BM (PEMAHAMAN)	976	1,353	752	466	182	3,729	2.336
BM (PENULISAN)	923	962	1,020	667	157	3,729	2.510
BAHASA INGGERIS (PEMAHAMAN)	291	698	783	1,138	817	3,727	3.400
BAHASA INGGERIS (PENULISAN)	195	357	818	1,487	870	3,727	3.665
MATEMATIK	349	572	700	1,168	940	3,729	3.477
SAINS	167	1,005	1,536	837	184	3,729	2.964



Antara Aktiviti-Aktiviti Program Pemerkasaan Belia Tahun 2017

Program Pemerkasaan Belia

Belia merupakan generasi yang penting untuk pembangunan negara pada masa hadapan. Belia adalah golongan pemangkin kepada kecemerlangan dan keutuhan jiwa bangsa. Jiwa bangsa sesebuah tamadun akan goncang jika jiwa para pemudanya tandus dari nilai jati diri dan modal insan yang sepatutnya. Pencapaian kejayaan belia yang sebenarnya mestilah diisi dengan roh jiwa agama dan bangsa untuk menjadi benteng kekuatan dan ketahanan diri bagi melalui realiti kehidupan di zaman ini.

Pendedahan program bimbingan belia dan motivasi amat penting kepada semua belia yang ingin memperolehi kecemerlangan dalam tujuan hidup mereka. Program ini adalah untuk melahirkan belia yang mempunyai daya juang patriotisme yang mantap dan mempunyai semangat untuk berjuang demi agama, bangsa dan negara dengan pelbagai kaedah perjuangan. Program ini telah dilaksanakan dengan peruntukan disalurkan dari Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Matlamat program ialah melahirkan belia yang berjiwa patriotik tinggi, membina personaliti belia yang berkarakter, mantap dalam kepimpinan dan komunikasi berkesan, melahirkan belia yang mempunyai jati diri yang kukuh serta melahirkan belia yang taat setia kepada agama, bangsa, negara dan raja.

Program Pemerkasaan Belia ini meningkatkan semangat patriotik dan sahsiah diri dengan pengisian program merangkumi sejarah negara, kuliah agama, suntikan motivasi dan ujian ketahanan diri. Bilangan aktiviti yang dilaksanakan adalah sebanyak 8 siri dengan kos pelaksanaan RM230,000. Aktiviti tersebut telah memberi manfaat kepada 696 orang peserta.

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Program Kesejahteraan Rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan dan satu Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat ditubuhkan disetiap negeri bagi memantau pengagihan bantuan kepada golongan sasar. PERDA yang merupakan agensi pelaksana persekutuan di Pulau Pinang bergerak secara holistik bersama agensi-agensi persekutuan yang lain merangka dan melaksanakan berbagai program/projek yang boleh membantu golongan sasar meningkatkan pendapatan dan seterusnya keluar dari belenggu kemiskinan.

Selain fokus kepada kumpulan miskin dan termiskin, program yang dirancangkan akan juga memberi tumpuan kepada golongan B40 (kumpulan berpendapatan 40% terendah) dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan daya saing kumpulan ini untuk terus berdaya maju.



Penyerahan Bantuan Peningkatan Ekonomi



Seminar Keibubapaan

Di samping itu, PERDA juga telah melaksanakan Bengkel Pemantapan Peningkatan Pendapatan dan Kursus Asas Perniagaan yang merupakan kesinambungan kepada usaha meningkatkan perniagaan serta lain-lain program melibatkan ahli keluarga peserta melibatkan 1,406 orang.

Pecahan aktiviti SPKR serta bilangan yang menerima manfaat



Program Bantuan
Mesin dan Peralatan
SPKR

86
Orang



Program
Ihyam Ramadhan,
Korban
dan
Jom Pi Bantu

300
Orang



Program Modal
Insan -
Keibubapaan
(Mutiara Kasih)
(10 siri)

926
Orang



Program Seminar
Ilmu Keluarga
dan kursus
Smart Belanja
2017

94
Orang



**ANAK
SYARIKAT**



PERDAVENTURES
INCORPORATED SDN BHD (348805-T)

100

ANAK SYARIKAT-

PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB)

PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB) adalah sebuah syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang ditubuhkan pada tahun 2007. Tujuan utama penubuhan PVISB adalah sebagai jentera pelaksana ‘implementing arm’ kepada PERDA dalam pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai komersial.

Lembaga Pengarah PVISB adalah terdiri daripada wakil PERDA dan wakil profesional yang dilantik berdasarkan kepakaran dan latar belakang masing-masing. Senarai ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2017 adalah seperti dipaparkan.

Operasi PVISB pada masa ini terbahagi kepada lima aktiviti utama iaitu :



Ahli Lembaga Pengarah PVISB



Sepanjang tahun 2017, sejumlah RM 610 juta nilai pelaburan telah berjaya diusahakan melalui pelaksanaan projek-projek hartanah, pertanian dan program pemasaran yang disertai.

PEMBANGUNAN HARTANAH - Projek Usahasama & Pelaburan Hartanah

PVISB telah terlibat dalam pelaksanaan beberapa projek pembangunan perumahan, perindustrian serta turut terlibat dalam pembangunan hotel. Ringkasan projek-projek yang dibangunkan oleh PVISB adalah seperti berikut:


PROJEK SIAP	DALAM PELAKSANAAN	MENUNGGU KELULUSAN PBT	DALAM PERANCANGAN
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah Kos Sederhana Kbg.Menerong, SPU ▪ Rumah Kos Rendah Ara Kuda, SPU ▪ Rumah Kos Sederhana Ara Kuda, SPU ▪ Kedai/Pejabat Ara Kuda, SPU <p>Jumlah 839</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah Kos Rendah Kbg.Menerong, SPU ▪ Rumah Kos Rendah Ara Kuda, SPU ▪ Rumah Kos Rendah Teluk Bahang, SPU ▪ Rumah Kos Sederhana Rendah Kbg. Menerong, SPU ▪ Rumah Kos Sederhana Kbg. Menerong, SPU ▪ Rumah Berkembar/Sesebuah Ara Kuda, SPU ▪ Rumah Berkembar/Sesebuah Kbg. Menerong, SPU ▪ Kondominium Teluk Bahang,DBD ▪ Hotel di Teluk Bahang, DBD ▪ Pusat Street Mall, Kbg.Menerong, SPU <p>Jumlah 2,231</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah Teres/Berkembar Ara Kuda, SPU ▪ Rumah Rendah/Kos Sederhana Teluk Kumbar, DBD ▪ Rumah Kos Rendah/Sederhana Kbg.Menerong, SPU ▪ Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Tasek Gelugor, SPU ▪ Rumah Mampu Milik Pongsu Seribu, SPU ▪ Kedai/Pejabat Kbg.Menerong, SPU ▪ Kedai/Pejabat Ara Kuda, SPU ▪ Kedai/Pejabat Pongsu Seribu, SPU ▪ Kedai/Pejabat Tasek Gelugor, SPU ▪ Pusat Street Mall, Teluk Air Tawar, SPU <p>Jumlah 11,945</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah Kos Rendah Sungai Dua, SPU ▪ Kedai/Pejabat Sungai Dua, SPU <p>Jumlah 140</p>
<p>UNIT</p> <p>399 172 234 34</p>	<p>UNIT</p> <p>203 100 264 200 507 708 34 213 1 1</p>	<p>UNIT</p> <p>2,711 2,600 2,007 299 3,622 169 311 199 26 1</p>	<p>UNIT</p> <p>102 38</p>

➤ Taman Desa Ara Permai, Seberang Perai Utara

Pada tahun 2017, PVISB telah memulakan 1 projek pembangunan iaitu Taman Desa Ara Permai di atas Sebahagian Lot 1762 dan Sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Tok Alang, SPU. Komponen pembangunan utama untuk fasa 1 terdiri dari 291 unit rumah pelbagai jenis serta 56 unit kedai/pejabat 2 tingkat. Untuk fasa 2 sebanyak 221 unit rumah teres 1 tingkat.



Projek Pembangunan Taman Desa Ara Permai dalam pelaksanaan



Hotel 13 tingkat (160 bilik) dan pangsapuri
kos rendah 10 tingkat (100 unit) sedang dalam pembinaan

➤ Pembangunan Hotel di Teluk Bahang, Daerah Barat Daya

PVISB dan rakan usahasama yang dilantik sedang giat melaksanakan 1 projek pembangunan hotel di Teluk Bahang di atas Lot PT 105 (Lot Lama 15), Mukim 2, DBD. Komponen pembangunan projek berkenaan terdiri dari 1 blok hotel 13 tingkat (160 bilik) dengan prestasi pembinaan 97% manakala pangsapuri kos rendah 10 tingkat (100 unit) dengan prestasi pembinaan 99% sehingga 31 Disember 2017.

› Program ‘Rent To Own’ (RTO) Taman Desa Ara

Program RTO adalah merupakan konsep sewaan rumah kepada yang layak dengan opsyen membeli selepas tempoh penyewaan minima 10 tahun. Konsep RTO yang dicadangkan ini adalah khusus bagi rumah kos rendah sahaja. Majlis Perasmian Penyerahan Kunci Program RTO ini telah diadakan pada 19 Ogos 2017 dan telah dirasmikan oleh Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis Penyerahan Kunci Program ‘Rent To Own’ Sesi 1 kepada 55 peserta telah diadakan pada 16 Oktober 2017 dan dirasmikan oleh Dato’ Hj Omar Hj Abdul Hamid, Timbalan Pengerusi PVISB. Kesemua 55 peserta ini akan mula menduduki rumah RTO ini bermula 1 November 2017. Majlis Penyerahan Kunci Sesi 2 dijangka akan diadakan pada 4 Januari 2018 . Majlis penyerahan kunci itu nanti akan dirasmikan oleh Datuk Hj. Shabudin Yahya, Pengerusi PVISB.

Status pemohon yang layak dan baki permohonan sehingga 31 Disember 2017 melibatkan keseluruhan 106 unit RTO adalah seperti berikut :




AGRO INDUSTRY

• PERDA Veggie Park

Projek PERDA Veggie Park ini meliputi kawasan seluas 300 ekar di Mukim 13, Tok Alang, SPU yang telah diserahkan kepada PVISB oleh PERDA untuk disewakan kepada pekebun-pekebun setempat.

Objektif utama projek ini adalah untuk membantu serta mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan kepada golongan miskin serta penduduk sekitar kawasan Tok Alang, Seberang Perai Utara. Sebanyak 17 pengusaha yang terlibat dengan tanaman kontan seperti betik, bendi, nenas, markisa dan jagung.



Tanaman bendi



Tanaman pelbagai sayur-sayuran




Tanaman nenas

• Pengurusan Kelapa Sawit


Projek ini mula dilaksanakan pada bulan September 2017 dengan memainkan peranan aktiviti pengurusan ladang kelapa sawit seperti berikut:

- Menguruskan pentadbiran dan pengurusan kelapa sawit.
- Mengawal selia dan memantau aktiviti ladang.
- Mengutip hasil jualan tandan segar.

Kawasan ladang kelapa sawit yang terlibat adalah di Pongsu Seribu, Kubang Menerong, Ara Kuda, Tasek Gelugor dan Machang Bubuk. Pelaksanaan projek ini telah dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan iaitu seramai 17 orang dan memperolehi pendapatan sebanyak RM185,683.63 sehingga Disember 2017.



SEBELUM



SEBELUM



SELEPAS



SELEPAS

Ladang Kelapa Sawit Pongsu Seribu, SPU yang sedang diusahakan

KOMPLEKS PERNIAGAAN MIDTOWN - Pengurusan MIDTOWN

Projek Pemajuan Kompleks Perniagaan Midtown PERDA dimulakan pada November 2012 dengan kos pembinaannya sebanyak RM9 juta. Lokasi projek adalah terletak di Lot PT 711, Mukim 12, Jalan Kubang Menerong, 13300 Tasek Gelugor. Projek ini bertujuan untuk menyediakan premis perniagaan usahawan yang kondusif. Selain itu, projek ini dijadikan sebagai sumber dana bagi menjana pendapatan kepada PERDA. Objektif pelaksanaan projek ini adalah :

- Menyediakan ruang niaga untuk dikomersilkan oleh peniaga-peniaga yang berpotensi.
- Mengenalpasti konsep perniagaan yang bersesuaian untuk menarik tumpuan penduduk sekitar khususnya dan kawasan utara amnya akan kewujudan *Midtown* PERDA.
- Sebagai satu cabang dalam membantu peniaga memasarkan produk.
- Meningkatkan pendapatan syarikat.
- Membina satu jenama baru dalam pasaran dengan adanya kemudahan ruang niaga yang lengkap.



Drag Racing
Motorsports Jamboree



Majlis Perkahwinan



Pelbagai aktiviti yang diadakan



Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan di *Midtown*


PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN & PENYELENGGARAAN

PVISB telah mewujudkan satu lagi cabang operasi iaitu menyediakan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan. Ini menunjukkan inisiatif PVISB berusaha kearah melebarkan operasi untuk menambahkan lagi pendapatan syarikat tidak tertumpu kepada projek pembangunan sahaja. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Menyediakan perkhidmatan pembersihan terperinci secara harian, bulanan atau tahunan yang merangkumi pembersihan lantai, karpet, tandas dan sebagainya.
- Perkhidmatan pembersihan dari rumah ke rumah.
- Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan seperti peralatan rosak, kawalan serangga, bangunan kompleks perniagaan dan gerai.

Kekerapan tempahan pembersihan dan penyelenggaraan bagi tahun 2017 banyak tertumpu kepada rumah kediaman dan premis perniagaan, secara keseluruhan aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan adalah seperti dipaparkan.

Perkhidmatan Pembersihan & Penyelenggaraan ini telah memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Setakat ini seramai 47 orang pekerja am dengan kadar bayaran gaji sekitar RM1,000 sebulan.



A collage of several modern skyscrapers with glass and steel facades, set against a background of a clear blue sky with wispy white clouds.

111

PENILAIAN
OUTCOME

PENILAIAN OUTCOME

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 : Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* telah menggariskan tatacara pelaksanaan penilaian *outcome* untuk mengukur prestasi dan pencapaian program/projek pembangunan nasional. Penilaian *outcome* boleh dijadikan alat pengukur kesan pelaksanaan program/projek pembangunan yang telah siap dan digunakan kepada golongan sasar daripada aspek sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar. Melalui pendekatan ini, PERDA dapat menyemak, menilai dan menambah baik proses-proses pelaksanaan program supaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2017, PERDA telah berjaya membuat penilaian *outcome* terhadap 7 program pembangunan yang telah dilaksanakan untuk melihat kesan terhadap kumpulan sasar.

Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan (SMPPU) 2016

SKOP PROGRAM

Pinjaman Tabung Pusingan
di antara RM 20,000 – RM 200,000

OUTPUT

Memberi pinjaman mudah
kepada 58 orang usahawan
di bawah SMPPU

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Sebagai pelincir untuk menggerakkan operasi perniagaan, meningkatkan produktiviti serta daya saing perniagaan
- ii. Pelengkap kepada bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain
- iii. Menggerakkan sumber-sumber perniagaan usahawan secara optimum bagi menjana pendapatan dari ekonomi usahawan dengan modal pusingan yang mencukupi

OUTCOME



Jualan usahawan
meningkat 12.5%
berbanding 2016

OUTCOME



Peningkatan
penembusan pasaran
(dalam dan luar negara)
29.5% berbanding 2016

Mutiara Program Didikan Cemerlang Akademik (MPDCA) 2016

SKOP PROGRAM

MPDCA memberi tumpuan kepada tuisyen untuk UPSR, PT3 dan SPM serta program sokongan seperti teknik menjawab soalan, motivasi dan lain-lain. Program kaedah pengajaran dan pembelajaran juga diadakan kepada guru

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Meminimakan risiko ketinggalan dalam pendidikan
- ii. Meningkatkan pencapaian pelajar ke tingkat yang maksimum dalam peperiksaan utama
- iii. Membentuk para pelajar ke arah memiliki ciri-ciri 'Towering Personality' melalui program jangka panjang

OUTPUT

- 47 buah sekolah rendah
- 3,737 peserta
- 28 program

OUTCOME



5 sekolah dalam top 20 sekolah terbaik peringkat negeri

OUTCOME



1.04% pelajar peroleh 6A,
1.36% pelajar memperolehi 5A

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) 2016

SKOP PROGRAM

- Bantuan pembangunan ekonomi untuk menjalankan aktiviti peningkatan pendapatan
- Kursus dan latihan bagi membentuk keyakinan diri dan asas perniagaan

OBJEKTIF PROGRAM

Untuk meningkatkan kualiti modal insan golongan sasar ke arah peningkatan kualiti hidup dengan tumpuan terhadap peningkatan pendapatan iaitu melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)

OUTPUT

- 70 peserta (KIR)
1 Aktiviti projek peningkatan pendapatan SPKR
- 227 peserta (KIR & AIR)
2 Aktiviti/kursus latihan kemahiran (soft skill)
- 1,511 peserta (KIR & AIR)
3 Aktiviti/kursus latihan kemahiran (soft skill)

KIR : Ketua Isi Rumah
AIR : Ahli Isi Rumah

OUTCOME



98% peserta
melepas
Pendapatan Garis
Kemiskinan
(PGK)



OUTCOME

44% peserta
keluar
senarai PGK

Program Pemerkasaan & Pemantapan Sahsiah Belia 2016

SKOP PROGRAM

- Segmen Motivasi & Kerohanian
- Segmen Patriotik
- Kemahiran Berkommunikasi
- Dialog Bersama Tokoh Pemimpin
- Riadah & Rekreasi

OBJEKTIF PROGRAM

Memperkasa golongan belia dalam mempertingkatkan sumber dan kebolehan kendiri ke arah pembangunan jati diri dan semangat cintakan negara



© Can Stock Photo

OUTCOME

89.3% belia bersikap positif



OUTCOME

89.9% peserta berpotensi menjadi pemimpin

OUTPUT

- 22 aktiviti
- 506 peserta

Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX 2017)

SKOP PROGRAM

Menyediakan ruang dan peluang perniagaan kepada usahawan bumiputera untuk memasarkan produk

OUTPUT

- 318 usahawan yang mendapat manfaat
- 100,000 pengunjung telah mengunjungi PenBEX

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Meningkatkan nilai jualan dan kontrak/tempahan yang diperolehi bagi produk/ perkhidmatan yang ditawarkan oleh usahawan/peniaga di sepanjang tempoh penganjuran ekspos
- ii. Mewujudkan jalinan perniagaan strategik dan persaingan sihat di kalangan usahawan/peniaga, pengilang, pemborong, agensi/jabatan kerajaan dan pelanggan
- iii. Menjadi '*platform*' yang dapat mengukur potensi sesuatu perniagaan yang diusahakan oleh para usahawan/peniaga melalui maklum balas yang diterima daripada pengunjung

OUTCOME



Perluasan perniagaan meningkat sebanyak 20% selepas menyertai PenBEX 2017

OUTCOME



Peningkatan pendapatan sebanyak 5% sepanjang menyertai PenBEX 2017

Program Pembangunan Tenaga Mahir & Latihan Kemahiran 2017

SKOP PROGRAM

Menyediakan latihan kemahiran teknikal kepada kumpulan sasar

OUTPUT

- 363 orang graduan selesai mengikuti pengajian Sepenuh Masa
- 383 orang graduan selesai mengikuti pengajian Jangka Pendek

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Menyediakan latihan kemahiran kepada 800 hingga 1,000 pelajar bagi sesi tahun semasa
- ii. Memberi peluang dan ruang kepada lepasan pelajar bumiputera untuk mendapat latihan kemahiran teknikal dalam pelbagai bidang
- iii. Menyediakan peluang kepada golongan sasar dalam meningkatkan ekonomi keluarga dan peningkatan taraf hidup

OUTCOME



73% graduan mendapatkan pekerjaan/melanjutkan pelajaran dalam tempoh 6 bulan selepas graduasi

OUTCOME



- 51.4% graduan yang bekerja memperolehi pendapatan bulanan RM1,200.00 - RM2,000.00 selepas setahun bekerja
- 8.8% graduan memperolehi pendapatan melebihi RM2,000.00

Pembangunan PERDA-TECH 2017

SKOP PROGRAM

- 1 blok kimpalan 1 tingkat
- 1 blok elektrik (jenis A) 1 tingkat
- 1 blok elektrik (jenis B) 1 tingkat
- Lain-lain kemudahan pembelajaran

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Mewujudkan sebuah institusi pendidikan kemahiran tinggi yang lengkap dengan kemudahan insfrastruktur yang berkualiti
- ii. Mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang selamat dan selesa

OUTPUT

- 100% kerja-kerja 1 unit bengkel kimpalan, 1 unit bengkel elektrik (jenis A & B) serta kerja berkaitan siap sepenuhnya
- 100% penyediaan keperluan kelengkapan bengkel kimpalan dan elektrik (Jenis A & B) siap sepenuhnya

OUTCOME



45% pelajar dan guru berpuas hati dengan kualiti bengkel yang diduduki

OUTCOME



84.15% pelajar dan guru bersetuju bengkel ini membantu meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran

DIARI PERISTIWA PERDA 2017

12



23 FEBRUARI 2017

Pengenalan 3D Bersama Komuniti di
Institut Kemahiran Tinggi (PERDA-TECH)



Program Derma Darah anjuran
Kelab Sukan & Kebajikan PERDA

25 APRIL 2017



9 MEI 2017

Program Kerjasama Jabatan
Penerangan Malaysia : Apa Kata GEN-Y ?



Majlis Ihya' Ramadhan di Masjid Al-Ridwan,
Kampung Nyior Sebatang, SPU

14 JUN 2017



10 OGOS 2017

Lawatan Kerja MIMOS ke Makmal 3D
Smart Maker PERDA-TECH



Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX)
2017 serta sambutan hari kemerdekaan

24-31 OGOS 2017



13 OKTOBER 2017

Lawatan Kerja Datuk Pengurus ke Projek Perumahan Sungai Bakap, SPS yang sedang dalam pembinaan



Majlis Penyerahan Kunci Program 'Rent To Own'
Taman Desa Ara, Tasek Gelugor, SPU

16 OKTOBER 2017



18 OKTOBER 2017

Seminar keibubapaan (Mutiara kasih) anjuran PERDA di TH Hotel, Bayan Lepas, Pulau Pinang



Lawatan kerja agensi PERDA ke Pejabat Pembangunan Negeri Johor, IRDA dan Lembaga Nenas Negara

12-14 NOVEMBER 2017



7&8 NOVEMBER 2017

Majlis Konvokesyen ke 9
Institut Kemahiran Tinggi (PERDA-TECH)



Majlis Penyerahan dan Penanaman 1000 anak
Pokok Oleh Jabatan Hutan kepada PERDA-TECH

17 NOVEMBER 2017



3 DISEMBER 2017

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Sewa (PPKR) kepada Hasnah Hassan yang kediamannya musnah dalam kebakaran



Fashion Show Diverse oleh pelajar jurusan Senireka Fesyen Institut Kemahiran Tinggi (PERDA-TECH) di Mydin Mall Prai

9 DISEMBER 2017



PERDA DI AKHBAR

13





Perda bina lebih banyak rumah rakyat

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL
pergarang@utzutan.com.my

■ TASEK GELUGOR 3 DIS.

LEMBAGA Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) merancang melaksanakan lebih banyak Projek Perumahan Rakyat sejantaran Projek (PPKR) bagi memenuhi rakyat di negeri ini untuk memiliki rumah sendiri. Pengerusinya, Datuk Shabudin Yahaya berkata, pada peringkat ini, pihaknya sedang mengejar pasti beberapa kawasan akan melaksanakan projek berkenaan.

Dalam maklumatnya, katanya, Perda tuju mempunyai perancangan memberi tanah sekitar muka mendapat peruntukan tambahan

Kerajaan Persekutuan. "Ketika ini, Perda memfokuskan pembangunan di Seberang Perai Utara (SPU) kerana kita mempunyai banyak tanah di sini," katanya selepas Majlis Persempenaan Kunci Rumah Sewa kepada Hasnah Hassan, 68, yang keadaannya mustahil dalam kelemarin.

Melalui bantuan berkenaan, wanita itu diberikan rumah keluasan kira-kira 213 meter persegi bernilai RM42,000 di Tamian Dera, di sini.

Mengulas mengenai perancangan menjadikan SPU, Shabudin berkata, keputusan berkenaan disebabkan wujud permintaan tinggi daripada rakyat.

Sementara itu, katanya PPKR itu akan membelanjakan sejuta baht dengan anggaran RM800 hingga RM120 sebulan dengan pemilikan penuh kepada penyewa selepas tempoh 15 tahun.

Sementara itu, Hasnah berkata dia bersyukur dan bersila berterima apabila terpilih sebagai perniagaan kediaman PPKR.

"Selaras tragedi kebakaran itu, saya sekolahnya hanya mempunyai rumah yang besar namun tidak ada berdekat-dekat rumah kami selama dua minggu."

"Syukur kerana Tuhan masih memberikan hasil untuk memenuhi rumah ini. Saya tidak, saya tidak tahu bagaimana nasib keluarga kami," katanya.

Menurut Timbalan Pengarah Akademik PSP, Dr. Nor Hasni Harun, program itu adalah kesinambungan daripada pembelajaran di dalam kelas yang dilakukan selama ini dan diplikasikan di lapangan bersama masyarakat.

"Kali ini kita bawa pelajar-pelajar turun sendiri ke kampung untuk bersama-sama dengan

Oleh AZELI ALI

azelali@utzutan.com.my

TASEK GELUGOR 18 Julai - Bagi memantapkan lagi bakat kepimpinan dan pengurusan, seramai 60 pemimpin pelajar dan kelab Politeknik Seberang Perai (PSP) menyertai Program Pengurusan Organisasi dan Eksplorasi Agrotourism Tasek Gelugor di Kampung Chegar, di sini baru-baru ini.

Selain diajar mengenai ilmu pengurusan, mereka juga didehakkan dengan aktiviti-aktiviti bersama penduduk kampung seperti menjahit pukat, memasak kuih-muih tradisional, membuat daun rokok dan pelbagai aktiviti lain.

SHABUDIN YAHYA (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Program Pengurusan Organisasi dan Eksplorasi Agrotourism di Kampung Chegar, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, baru-baru ini.

masyarakat dan tinggal dengan penduduk kampung untuk meraisa sendiri pengalaman mengikuti aktiviti harian penduduk.

"Antara aktiviti yang diperkenalkan kepada mereka adalah membikai pukat, membuat daun rokok, memproses kuih-muih

tradisional, membuat pekasam dan banyak lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan program itu yang disempurnakan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahya di sini baru-baru ini.

Selain itu, mereka juga dibawa



60 pelajar PSP terokai produk pelancongan Tasek Gelugor

menyelusuri Sungai Korok untuk melihat sendiri tarikan yang ada di sungai itu yang menjadi salah satu produk agrotourism di Tasek Gelugor.

Sementara itu, Shabudin berkata, pihaknya memuji langkah yang diambil PSP untuk memperkenalkan produk pelancongan yang ada di kawasan itu kepada pelajar serta masyarakat umum.

Jelasnya, bagi memberi tambahan nilai kepada produk yang ada, Koperasi Nelayan Air Itam Dalam/Pangkalan Machang di situ bakal memiliki sebuah bot dengan enjin 115 kuasa kuda yang boleh memuatkan 20 pelancong dalam masa terdekat.

"Kita jangkakan bot itu akan mula beroperasi pada September ini dan akan menjadi penarik kepada pelancong yang berminat untuk menelusuri sungai sehingga ke Kuala Perai.

"Sepanjang laluan itu mereka dapat melihat sendiri aktiviti nelayan darat menangkap ikan sejauh pelbagai flora dan fauna yang jarang-jarang ditemukan di lokasi lain," ujarnya.

Kepala Batas: Usahawan tidak boleh lagi bergantung kepada kaedah pemasaran konvensional untuk menjual produk, sebaliknya perlu memanfaatkan media sosial bagi meluaskan pasaran.

Timbalan Menteri Luar yang juga Ahli Parlimen Kepong, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, dunia perniagaan yang berubah dengan kemunculan teknologi maklumat menuntut usahawan melakukan perubahan jika mahu terus hidup.

Katanya, berdasarkan perkembangan teknologi maklumat terutama berkaitan laman sosial ketika ini, usahawan terus ketinggalan jika masih bergantung pada cara lama menjual produk.

"Sekarang, semua orang menerima bantuan Bantuan Ekonomi Kecil (BEK) dan tiga usahawan menerima bantuan mikro

dalam pemasaran. Usahawan perlu memanfaatkan teknologi berkenaan untuk membuat pemasaran secara dalam talian.

"Saya lihat Facebook bukan hanya diguna orang mudah, malah golongan warga emas turut mampu menggunakan katanya dan ia satu kelebihan untuk mempelbagaikan pelanggan," katanya ketika merasmikan Majlis Bantuan Peningkatan Ekonomi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di sini, kelmarin.

Seramai 21 orang menerima Bantuan Ekonomi Kecil (BEK) dan tiga usahawan menerima bantuan mikro

membabitkan peruntukan RM92,293, manakala Caring Izsmandra Enterprise menerima bantuan modal pusingan RM80,000.

Tiga syarikat yang menerima bantuan mikro ialah Rasi Rastu Enterprise, Norhaslina Mohamad dan Dapur Mama Julia.

Pemilik Dapur Mama Julia, Julia Che Rus berkata, bantuan 'chiller' daripada PERDA membolehkannya meningkatkan jualan 'box cake' ke pada 600 kotak berbanding 300 kotak sebelum ini.

"Sekarang, semua orang bercakap mengenai media sosial terutama Facebook dalam pemasaran"



REEZAL Merican (dua dari kanan) menyampaikan geran bantuan peralatan kepada usahawan, Julia Che Rus (kiri) di Pusat Kegiatan Masyarakat, Kepala Batas.

BH Jumaat, 27 Oktober 2017

Ms.19

→ PENDIDIKAN

PERDA bantu pelajar, bangunkan modal insan



Peserta Seminar SPM anguruan PERDA dengan kerjasama BH di Sungai Petani, baru-baru ini.

• Program PDCA bantu atasi kelemahan subjek tertentu

Seminar SPM
BH SKOR
Berkat Kerja
PERDA
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang

Oleh Moor Ahmad Nasrilln
Rizal Ishak
moor.ahmad@bh.com.my

■ Sungai Petani

Bagi membangunkan modal insan terutama dalam bidang pendidikan, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan kerjasama BH mengadakan Seminar Fasilitasi Ahlir bagi pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tahun ini.

Seminari yang berlangsung dua hari itu membatikan 120 pelajar dari 24 sekolah terpilih di daerah Seberang Prai, Selatan Tengah dan Ulu.

Peserta berpeluang menambah ilmu dan meningkatkan teknik menjawab soalan dengan berlesen bagi subjek Matematik dan Bahasa Inggeris.

Melalui Program Dikid Cemerlang Akademik (PDCA), PERDA berusaha membantu pelajar yang lemah dalam subjek tertentu dengan membentuk mengadakan program berbentuk

akademik sebagai satu daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

Antara sekolah yang menyertai seminar itu adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Onn, SMK Penanti, SMK Pematang Rawa, SMK Bertam Perdana, SMK Guar Perabe Indah dan SMK Tasek.

Kaedah lebih mudah

Rata-rata pelajar menunjukkan kesungguhan sepanjang program itu berlangsung dengan kehadiran penceramah BII yang berpengalaman dan pakar dalam subjek masing-masing.

Pelajar SMK Pematang Pasir, Ikhwan Saifuddin Azman, 17, berkata penceramah banyak memberikan ilmu amat berguna dan kaedah baharu yang lebih mudah dalam membantu untuk menjawab soalan.

Anak keenam daripada lima adik beradik itu ingin membiasa jasa ibu dan bapanya yang banyak memberi dorongan dan nasihat bagi mendapatkan keputusan cemerlang pada pepe-



Penceramah yang menggunakan teknik pengajaran secara berkumpulan bersama pelajar dan sekolah berlainan dapat memberikan ide baharu selain melalui cara uryuk menulis karangan dengan cemerlang.

"Saya suka melulus program ini saya dapat meningkatkan kearakiran untuk cemerlang dalam SPM sebagai balasan kepada itu haja yang banyak memberi dorongan dan bimbingan selama ini," katanya kepada BH baru-baru ini.

Pelajar SMK Bertam Perdana, Asni Syamim Jasi Nasir, 17, berkata program ini dapat membantu minda dan memberi kesan positif kepada dirinya sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM sebelum suatu.

"Pelbagai teknik menjawab soalan yang diberikan penceramah menjadikan saya lebih bersemangat untuk cemerlang dan berusaha lebih gugah bagi mencapai cita-cita menjadi seorang doktor suatu hari nanti," katanya.

Ikhwan Saifuddin Azman,
Pelajar SMK Pematang Pasir

riksaan SPM nanti.

"Penceramah yang menggunakan teknik pengajaran secara berkumpulan bersama pelajar dari sekolah berlainan dapat memberikan ide baharu selain melalui cara uryuk menulis karangan dengan cemerlang,

"Saya suka melulus program ini saya dapat meningkatkan kearakiran untuk cemerlang dalam SPM sebagai balasan kepada itu haja yang banyak memberi dorongan dan bimbingan selama ini," katanya kepada BH baru-baru ini.

Pelajar SMK Bertam Perdana, Asni Syamim Jasi Nasir, 17, berkata program ini dapat membantu minda dan memberi kesan positif kepada dirinya sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM sebelum suatu.

"Pelbagai teknik menjawab soalan yang diberikan penceramah menjadikan saya lebih bersemangat untuk cemerlang dan berusaha lebih gugah bagi mencapai cita-cita menjadi seorang doktor suatu hari nanti," katanya.

Katanya, menerusi konsep pelancongan itu yang turut

Tasek Gelugor rancang daerah agropelancongan

TASEK GELUGOR 20 April - Daerah Tasek Gelugor di sini dirancang diperlusus sebagai sebuah kawasan agropelancongan berkonsepkan hasil sungai seperti udang dan ikalan selain pelancongan inap desa sedia ada.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya berkata, kawasan itu berpotensi dibangunkan dengan konsep pelancongan tersebut melihat kepada infrastruktur dan sumber hidupan sungai yang dimiliki.

SHABUDIN YAHAYA

mendapat kerjasama penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM), pengunjung berpeluang merasai pengalaman melihat habitat sungai seperti buaya, burung dan pokok-pokok di sepanjang kawasan tersebut.

Shabudin berkata, pembangunan projek itu yang memakan masa lima tahun dilakukan secara berperingkat dengan perbelanjaan sehingga kini mencecah hampir RM700,000.

Beliau berkata, penglibatan, koperasi dalam projek itu pula bertujuan sebagai mentor sekali gus memastikan usaha berkenaan membuat hasil seperti diharapkan.

Dalam hal ini,

"Di samping itu, setiap koperasi berkenaan juga mempunyai fokus dan bidang masing-masing seperti penghasilan produk berdasarkan sungai, inap desa dan makaran tempatan sekali gus mempelbagaikan lagi konsep agropelancongan di Tasek Gelugor ini," katanya.



SHABUDIN (dua dari kiri) menaiki bot melawat lokasi cadangan projek kawasan pelancongan di Pengkalan Machang, Sungai Dua.

Hab pelancongan sungai gabungan tiga kampung

Tasek Gelugor Sebuah hab pelancongan sungai akan dibina sepenuhnya dalam masa empat tahun lagi di sepanjang Sungai Peral yang menggabungkan tiga kampung.

Tiga kampung berkenaan adalah Kampung Labuh Banting, Kampung Air Itam Dalam dan Kampung Pengkal Machang.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor Datuk Shabudin Yahaya berkata, projek agrotourism itu bermula pada tahun lalu dan dijangka mengambil masa empat tahun lagi sebelum siap sepenuhnya.

"Keistimewaan alam semula jadi yang dimiliki tiga kampung dalam kawasan parlimen ini diganggu bagi mewujudkan paket pelancongan menarik, sekali gus menjana pendapatan penduduk setempat."

"Kawasan berkenaan mempunyai infrastruktur dan kelebihan faktor alam semula jadi serta jika dibangunkan secara teratur akanjadi satu tarikan pelancongan," katanya dalam sidang media sempena Program Lawatan Penanda Aras di Jeti Pengkalan Machang, semalam.





14

PENYATA KEWANGAN PERDA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 44.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, sarna ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatas kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 282.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau permerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(ZAABA BIN ZAINUDDIN)
b.p.KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 OGOS 2018



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA dan HAJI ROSMAN BIN HASHIM yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan pada 31 Disember 2017, dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga

Nama : DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA

Gelaran : Pengurus

Tarikh : 25/4/2018

Butterworth, Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga

Nama : HAJI ROSMAN BIN HASHIM

Gelaran : Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 25/4/2018

Butterworth, Pulau Pinang

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN**

Saya, NOR RIYANA BINTI RAMLI, No. K/P:740326-02-5990 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ikhtlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya buat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya]
diakui oleh penama di atas di]
Pulau Pinang pada]
25 APR 2018]

PENGURUS KEWANGAN

Di hadapan saya,



No.1, Lorong Kampung Gajah 2
Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

1

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

Nota	KUMPULAN		PERDA	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	96,265,623	93,623,466	95,539,083
Hartanah Pelaburan	5	84,058,431	62,116,599	81,382,710
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan	6	181,794,925	181,890,972	181,794,925
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	7	-	-	1,250,000
Terimaikan Jangka Panjang	8	11,167,695	9,825,839	11,167,695
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		<u>373,286,674</u>	<u>347,456,876</u>	<u>371,134,413</u>
ASET SEMASA				
Hartanah Pembangunan	9	51,348,730	40,216,003	43,165,002
Inventori	10	4,642,788	6,470,678	4,642,788
Penghutang Perniagaan	11	7,552,752	6,957,931	7,552,752
Penghutang Tabung Akaun Khas MPBPP	12	131,097,135	114,237,135	131,097,135
Amaun terhutang daripada Syarikat Subsidiari		-	-	5,563,131
Deposit dan Prabayar		7,564,020	5,877,644	2,276,602
Bahagian Semasa Bagi Terimaikan	8	698,252	675,918	698,252
Jangka Panjang		27,252	12,296	27,252
Penghutang Pelbagai		512,943	189,018	512,943
Cukai		94,797,800	98,947,800	94,397,800
Simpanan Tetap	13	45,113,024	55,951,806	44,274,699
Wang di Bank dan di Tangan		343,354,696	329,536,229	334,208,356
JUMLAH ASET SEMASA		<u>716,641,370</u>	<u>676,993,105</u>	<u>705,342,769</u>
JUMLAH ASET				<u>664,948,718</u>
EKUITI				
Pemberian Kumpulan Wang Rezab		548,381	548,381	548,381
Kumpulan Wang Pinjaman	15	15,500,000	13,500,000	15,500,000
Lebihan Pendapatan Terkumpul		241,029,980	231,419,143	238,446,240
JUMLAH EKUITI		<u>257,078,361</u>	<u>245,467,524</u>	<u>254,494,621</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Pemberian Kerajaan Persekutuan	16	224,866,392	218,842,018	220,936,336
Akaun Amanah	17	11,367,755	12,638,983	11,367,755
Tabung Akaun Khas MPBPP		162,699,612	143,489,791	162,699,612
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	18	-	293,297	-
Cukai Tertunda		37,000	62,400	293,297
Pinjaman Akaun Khas MPBPP		29,476,365	31,476,365	29,476,365
Pinjaman Projek Komersial		3,513,893	3,513,893	3,513,893
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		<u>431,961,017</u>	<u>410,316,747</u>	<u>427,993,961</u>
LIABILITI SEMASA				<u>404,801,523</u>
Pembiayaan Pembiayaan		12,705,905	7,821,015	12,705,905
Pembiayaan Pelbagai		4,585,006	4,528,119	123,858
Deposit dan Bayaran Terakru	18	10,042,433	6,911,827	9,755,776
Bahagian Semasa Pinjaman Kerajaan Persekutuan		268,648	1,947,873	268,648
JUMLAH LIABILITI SEMASA		<u>27,601,992</u>	<u>21,208,834</u>	<u>22,854,187</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>716,641,370</u>	<u>676,993,105</u>	<u>705,342,769</u>
				<u>664,948,718</u>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

2

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Nota	KUMPULAN		PERDA	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Hasil				
	19	8,222,063	1,780,868	8,222,063
Kos Jualan		<u>(1,468,825)</u>	<u>(2,568,521)</u>	<u>(1,468,825)</u>
(Kerugian)/Keuntungan Kasar		<u>6,753,238</u>	<u>(787,653)</u>	<u>6,753,238</u>
Lain-lain Pendapatan	20	44,055,376	56,614,455	37,591,112
Perbelanjaan Pentadbiran		<u>(23,189,100)</u>	<u>(21,336,616)</u>	<u>(23,189,100)</u>
Lain-Lain Perbelanjaan		<u>(17,105,068)</u>	<u>(19,764,701)</u>	<u>(11,349,410)</u>
Kos Kewangan	21	<u>(89,646)</u>	<u>(412,521)</u>	<u>(89,646)</u>
Keuntungan Sebelum Cukai	22	10,424,800	14,312,964	9,716,194
Cukai	23	<u>(814,362)</u>	<u>(919,699)</u>	<u>(592,741)</u>
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun Selepas Cukai, Mewakili Jumlah Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan		<u>9,610,438</u>	<u>13,393,265</u>	<u>9,123,453</u>
				<u>12,909,960</u>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

KUMPULAN	KUMPULAN WANG PENGURUSAN	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	KUMPULAN WANG REZAB	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2016	(25,735,051)	243,482,330	278,599	218,025,878
(Kurangan)/Lebihan Selepas Cukai	(75,468)	13,468,733	-	13,393,265
Baki Pada 31 Disember 2016	<u>(25,810,519)</u>	<u>256,951,063</u>	<u>278,599</u>	<u>231,419,143</u>
Baki Pada 1 Januari 2017	(25,810,519)	256,951,063	278,599	231,419,143
Pelarasan Hasil Terkurang Nyata	1	398	-	399
Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai	(158,710)	9,769,148	-	9,610,438
Baki Pada 31 Disember 2017	<u>(25,969,228)</u>	<u>266,720,609</u>	<u>278,599</u>	<u>241,029,980</u>
PERDA				
Baki Pada 1 Januari 2016	(25,735,051)	241,868,880	278,599	216,412,428
Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai	(75,468)	12,985,428	-	12,909,960
Baki Pada 31 Disember 2016	<u>(25,810,519)</u>	<u>254,854,308</u>	<u>278,599</u>	<u>229,322,388</u>
Baki Pada 1 Januari 2017	(25,810,519)	254,854,308	278,599	229,322,388
Pelarasan Hasil Terkurang Nyata	1	398	-	399
Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai	(158,710)	9,282,163	-	9,123,453
Baki Pada 31 Disember 2017	<u>(25,969,228)</u>	<u>264,136,869</u>	<u>278,599</u>	<u>238,446,240</u>

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	KUMPULAN 2017 RM	2016 RM	KUMPULAN 2017 RM	PERDA 2016 RM
ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI OPERASI				
Kelebihan Pendapatan Bagi Tahun Sebelum Cukai	10,424,800	14,312,964	9,716,194	13,674,050
Pelarasan Untuk:	8,219,453	9,781,109	6,454,567	6,207,723
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	2,974,853	2,899,762	2,738,571	2,673,627
Susutnilai Hartanah Pelaburan	58,168	58,168	-	-
Faedah Dibayar	89,646	412,521	89,646	412,521
Dividen Diterima	(36,356)	(62,631)	(36,356)	(62,631)
Faedah Diterima	(2,433,525)	(3,188,233)	(2,381,193)	(3,056,359)
Hapuskira	-	5,279	-	1
Pelupusan Harta	-	4,943	399	4,943
Pelarasan Pendapatan Terkurang Nyata	399	4,943	399	4,943
Pelunasan Pemberian Kerajaan Persekutuan	7,566,268	9,651,300	6,043,500	6,235,621
KEUNTUNGAN SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA				
18,644,253	24,094,073	16,170,761	19,881,773	
PERUBAHAN MODAL KERJA				
(20,388,607)	(5,411,182)	(19,957,668)	(572,839)	
Inventori	1,827,890	2,174,355	1,468,823	2,204,020
Hartanah Pembangunan	(11,132,727)	(20,972,010)	(10,387,034)	(20,231,846)
Akaun Belum Terima	(19,156,153)	14,217,756	(18,796,643)	17,875,437
Akaun Belum Bayar	8,072,383	(831,283)	7,756,986	(420,450)
TUNAI DIGUNAKAN DARI AKTIVITI OPERASI				
(1,744,354)	18,682,891	(3,787,107)	19,308,934	
Cukai Dibayar	(1,138,287)	(1,072,274)	(916,666)	(916,663)
Pelarasan Cukai Tertunda	(25,400)	-	(89,646)	(412,521)
Faedah Dibayar	(89,646)	(412,521)	(89,646)	(412,521)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI				
(2,997,687)	17,198,096	(4,793,419)	17,979,750	
ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI PELABURAN				
(7,112,489)	(11,140,360)	(7,117,436)	(11,203,551)	
Perbelanjaan Pembangunan Tanah	96,047	15,054,360	96,048	15,054,360
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(13,286,047)	(10,238,526)	(13,238,662)	(10,187,274)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	7,669,035	(17,431)	7,669,035	-
Pembelian/(Pelarasan) Hartanah Pelaburan	(21,941,834)	(24,127,711)	(21,999,999)	(24,127,711)
(Perbelanjaan)/Terima Akaun Amanah	(1,271,226)	(1,358,316)	(1,271,228)	(1,358,316)
(Perbelanjaan)/Terima Tabung Akaun Khas MPBPP	19,209,823	6,301,343	19,209,821	6,301,343
Pelupusan Hartanah Pembangunan	-	(4,943)	-	(4,943)
Pelarasan Susutnilai Hartanah Pelaburan	(58,168)	-	-	-
Dividen Diterima	36,356	62,631	36,356	62,631
Faedah Diterima	2,433,525	3,188,233	2,381,193	3,056,359

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembangkan

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembangkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	KUMPULAN 2017 RM	2016 RM	PERDA 2017 RM	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN	(4,878,606)	965,121	(1,833,070)	973,068
Pemberian Kerajaan Persekutuan				
Kumpulanwang Pinjaman	(1,541,894)	918,907	1,503,642	950,265
Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan	(1,364,190)	(157,805)	(1,364,190)	(181,216)
Bayaran Balik Pinjaman Akaun Khas	(1,972,522)	(4,030,481)	(1,972,522)	(4,030,481)
Pinjaman Akaun Khas MPBPP	2,000,000	2,000,000	-	4,234,500
	(2,000,000)	4,234,500	(2,000,000)	4,234,500
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
Pertambahan/(Pengurangan) Dalam Tahun	(14,988,782)	7,022,857	(13,743,925)	7,749,267
Tunai dan Kesetaraan Tunai:				
Baki Pada Awal Tahun	154,899,606	147,876,749	152,416,424	144,667,157
Baki Pada Akhir Tahun	<u>139,910,824</u>	<u>154,899,606</u>	<u>138,672,499</u>	<u>152,416,424</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai di atas diwakili oleh:				
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Simpanan Tetap (Nota 13)	94,797,800	98,947,800	94,397,800	96,647,800
Tunai di Bank dan di Tangan (Nota 14)	45,113,024	55,951,806	44,274,699	55,768,624
	<u>139,910,824</u>	<u>154,899,606</u>	<u>138,672,499</u>	<u>152,416,424</u>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

**KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama PERDA adalah seperti berikut:

- (a) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosio-ekonomi dan infrastruktur dalam kawasan operasi.
- (b) Memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan perumahan, perindustrian, perdagangan, keusahawanan dan sumber manusia.
- (c) Mengawal dan menyelaras perlaksanaan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dan program-program yang diamanahkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab dan Kerajaan Negeri.

Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 7.

Lokasi perniagaan PERDA adalah di No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas Perakaunan

- (i) Penyata Kewangan PERDA disediakan berdasarkan konvension kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana mengikut arahan yang terkandung dalam Seksyen 23 Akta 282, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dan Piawaian Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Pada bulan Oktober 2015, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah menerbitkan pindaan kepada MPERS berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016. PERDA telah menggunakan pakai standard MPERS tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

(a) Asas Perakaunan (Samb)

- (ii) Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Kertas Melalui Pekeliling Bil.(2)/2018, bertarikh 25 April 2018.

(b) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting

Penyediaan penyata kewangan menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan terjejas.

(i) Penilaian yang dibuat dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan

Tidak terdapat bidang penilaian kritis yang penting dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(ii) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada akhir tempoh pelaporan yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah:

(iii) Jangka hayat aset yang boleh disusutnilai

Loji dan jentera disusut nilai berdasarkan garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Pengurusan menganggarkan jangka hayat aset ini sehingga 5 tahun. Perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi yang dijangka dapat memberi kesan kepada

(b) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting (Samb.)

kehidupan berguna ekonomi dan nilai baki loji dan jentera. Oleh itu caj susut nilai pada masa hadapan boleh disemak semula.

(iv) Kemerosotan hartaanah, loji dan peralatan

Kumpulan dan PERDA melakukan tinjauan kemerosotan apabila terdapat penunjuk rosot nilai untuk memastikan nilai bawaan loji dan peralatan tidak melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah boleh diperolehi mewakili nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangkakan akan timbul daripada operasi berterusan. Oleh itu, apabila mencapai jumlah yang boleh diperolehi semula, penilaian pelaksanaan pengurusan dalam menganggarkan arus kas masa depan, kadar pertumbuhan dan kadar diskau.

(v) Kemerosotan nilai pinjaman dan penghutang

Kumpulan dan PERDA menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesulitan kewangan yang ketara dari penghutang dan kegagalan atau keterlambatan penting dalam pembayaran.

Di mana terdapat bukti objektif penurunan nilai, amaun dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian sejarah aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(vi) Kos Hartanah Pembangunan

PERDA mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan hartaanah dalam keuntungan atau kerugian dengan menggunakan kaedah peringkat penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh tinjauan kerja yang dilakukan.

(b) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting (Samb.)

Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, sejauh mana kos pembangunan hartaanah yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos pembangunan harta, serta pemulihian projek-projek pembangunan. Dalam membuat penghakiman, PERDA menilai berdasarkan pengalaman masa lalu dan bergantung kepada kerja arkitek.

(c) Asas Penyatuan

(i) Subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan PERDA dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari-subsidiari adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuatkuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuatkuasa, mengikut kesesuaian.

Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam lembaran imbangan yang disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian PERDA daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam lembaran imbangan yang disatukan sebagai Muhibbah ke atas penyatuhan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuhan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuhan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian

(c) Asas Penyatuan (Samb.)

belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula. Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama asset dan liabiliti yang diiktiraf.

Di mana perlu, pelarasian dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

(ii) Entiti Bersekutu

Entiti bersekutu adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting tetapi tiada kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam entiti-entiti bersekutu dinyatakan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berdasarkan penyata kewangan terakhir yang telah diaudit atau penyata kewangan pengurusan entiti-entiti bersekutu tersebut. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian keuntungan/(kerugian) entiti-entiti bersekutu pada tahun kewangan tersebut. Pelaburan PERDA di dalam entiti bersekutu dibawa ke dalam lembaran imbalan pada amaun yang menggambarkan bahagian asset bersih entiti bersekutu dan termasuk Muhibbah ke atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak akan diteruskan bilamana nilai yang dibawa di dalam entiti bersekutu mencecah sifar, melainkan Kumpulan mempunyai obligasi atau obligasi jaminan di dalam entiti bersekutu.

Untung belum direalisasi di dalam transaksi di antara Kumpulan dan entiti-entiti bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan di dalam entiti tersebut. Rugi belum direalisasi juga dihapuskan melainkan kos tidak dapat dipulihkan.

Di mana perlu, pelarasian dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti bersekutu untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susunilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipermodalkan adalah yang bernilai RM 2,000 ke atas mulai tahun 2014.

Keuntungan atau kerugian dari pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara angaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambil kira ke dalam pendapatan.

Selain daripada kerja dalam pelaksanaan dan tanah, harta-harta, loji dan peralatan disusutnilaikan berdasarkan garis lurus untuk menghapuskan kos harta dalam jangkamasa hayat kegunaan harta-harta tersebut. Susutnilai bagi dikenakan pada bulan di mana harta-harta, loji dan peralatan itu dibeli. Kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan dan dipindahkan ke kategori harta-harta, loji dan peralatan apabila kerja pembinaan tamat.

Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Ubahsuai Bangunan Pejabat	20% - 100% setahun
Motor Kenderaan	20% setahun
Perabot dan Lengkap	10% setahun
Alatan Pejabat	10% setahun
Alat Audio dan Fotografi	20% setahun
Bangunan Tetap	2%-20% setahun
Bangunan Sementara	20%-100% setahun
Kemudahan-Kemudahan	100% setahun
Kenderaan dan Jentera	20% setahun
Harta-Harta Modal Yang Lain	20% setahun
Tanah Milik Bebas	Tidak disusutnilaikan
Tanah Pajakan	99 Tahun atau mengikut usia pajakan

Tanah pajakan dilunas mengikut usia pajakannya. Pelunasan tanah pajakan yang dibayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah dihapuskan terhadap peruntukan Kerajaan Persekutuan. Manakala pelunasan tanah

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

12

- (d) **Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)**
 pajakan yang dibiayai dari pinjaman Kerajaan Persekutuan atau sumber sendiri adalah dihapuskira dalam Penyata Pendapatan.

(e) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan

Tanah dipegang untuk pembangunan terdiri dari tanah yang ditetapkan untuk dimajukan di masa depan dan ianya dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk kos tanah dan perbelanjaan pembangunan yang berkaitan dengan pembiayaan ke atas tanah dan pembangunan. Kos akan diklasifikasi sebagai hartanah pembangunan apabila kerja-kerja pembangunan yang penting telah dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam pusingan aktiviti yang normal atau apabila ianya dimaksudkan untuk dijual sebagai tanah kosong.

(f) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri dari bangunan yang dibuat untuk tujuan disewakan dan tidak diduduki oleh Kumpulan dan PERDA dan ianya diiktiraf pada nilai kos. Hartanah pelaburan dianggap sebagai pelaburan jangka panjang dan dinyatakan pada nilai buku bersih dengan kadar susutnilai tahunan 2 peratus ke atas harga kos hartanah pelaburan tidak termasuk kos tanah. Model kos digunakan untuk mengukur nilai hartanah pelaburan selepas ia diiktiraf.

Semasa pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan antara terimaan bersih dari pelupusan dan nilai dibawa adalah dikenakan atau dikreditkan ke Penyata Pendapatan.

(g) Hartanah Pembangunan

Hartanah pembangunan adalah hartanah yang mana kerja-kerja pembangunan yang penting telah dijalankan dan dijangkakan akan disiapkan dalam pusingan aktiviti yang normal atau biasa. Hartanah pembangunan adalah dinyatakan pada kos tambah keuntungan yang boleh diperolehi tolak jangkaan kerugian dan bil-bil kemajuan yang berkenaan. Kos termasuk kos tanah dan kos pembangunan secara langsung dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan dengan pembiayaan bagi pembangunan. Keuntungan yang boleh diperolehi

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

13

- (g) **Hartanah Pembangunan (Samb.)**
 dan jangkaan kerugian akan dikontrakkan dengan kos pembangunan yang berkaitan.

(h) Penghutang

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Peruntukan hutang rugu dibuat berdasarkan anggaran jangkaan kerugian yang mungkin timbul dari akaun-akaun penghutang yang tidak dapat dikutip. Anggaran ke atas peruntukan hutang rugu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk pula dihapuskira pada tempoh ianya dikenalpasti.

(i) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Inventori terdiri daripada rumah, rumah kedai dan bangunan siap dibina, lot industri, inventori pengeluaran dan ternakan.

Kos termasuk di mana wajar, sebahagian kos pasti yang berkenaan dan adalah ditentukan berdasarkan purata pertimbangan atau di atas dasar pengenalan yang tertentu.

Bagi ternakan komoditi kambing, kambing dibeli dan diternakkan semula. Kambing pemeliharaan yang dibeli dinyatakan pada kos. Kambing yang diternakkan semula dinyatakan pada nilai pasaran, kecuali kos yang terkibat adalah lebih tinggi. Jika nilai pasaran baka kambing lebih tinggi daripada kos, perbezaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Ternakan kambing ini adalah tidak dilunaskan.

Ternakan untuk perdagangan terdiri daripada baka kambing dinilai pada kos yang lebih rendah dan nilai realisasi bersih. Kos ternakan itu terdiri daripada kos operasi dan kos langsung yang ditanggung semasa membiakkan ternakan. Penentuan kos adalah ditentukan berdasarkan kaedah yang tertentu.

(j) Cukai Tertunda

Perbelanjaan cukai dalam keuntungan atau kerugian merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali pada tahapnya ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka yang perlu dibayar atau boleh diterima atas pendapatan atau kerugian yang boleh dikenakan cukai bagi tahun ini, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang kena dibayar berkenaan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara di antara nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan atas cukai mereka. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara dan sebaliknya berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal pada akhir tempoh pelaporan. Pengukuran cukai tertunda adalah berdasarkan kepada jangkaan realisasi atau penyelesaian jumlah bawaan aset dan liabiliti, pada akhir tempoh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaunkan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat kebenaran yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti kena cukai yang sama, atau di entiti cukai yang berbeza, tetapi jika berhasrat untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa secara bersih atau aset dan liabiliti cukai ia akan direalisasikan serentak. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan keuntungan boleh dicukai masa depan akan tersedia yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda akan dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

(k) Cukai Barang dan Perkhidmatan

